Jilid I
Bil. 31



Hari Selasa
20hb Januari, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2977]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2999]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan [Ruangan 3000]

Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa [Ruangan 3045]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Selasa, 20hb Januari, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).

„ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).

„ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

„ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

„ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

„ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

„ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

„ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

„ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).

„ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

„ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).

„ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).

„ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

„ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).

„ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).

„ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

„ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

„ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

„ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

Yang Berhormat TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).

„ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

GANJARAN KEPADA BALU-BALU ANGGUTA TENTERA

1. Puan Zawiah biniti Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(*a*) jumlah ganjaran yang dibayar kepada balu-balu angguta Angkatan Tentera yang mati semasa menjalankan tugas dalam tahun 1975; dan

(*b*) samada Kerajaan telah memberikan sebarang rupa bentuk bantuan pelajaran kepada anak-anak angguta-angguta tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah ganjaran yang telah dibayar kepada balu-balu angguta tentera yang mati semasa menjalankan tugas dalam tahun 1975 ialah $47,810 semuanya. Selain dari ganjaran ini, balu-balu tersebut adalah juga dibayar pencen tanggungan seumur hidup atau sehingga mereka berkahwin semula. Bayaran pencen dan ganjaran ini adalah mengikut sekim perkhidmatan Angkatan Tentera. Selain dari itu angguta-angguta yang meninggal dunia ketika menjalankan tugas operasi adalah juga diberi saguhati dari Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara. Jumlah yang telah dibayar dari Kumpulan Wang ini kepada balu-balu mereka ini dalam tahun 1975 ialah $255,000.

Mengenai pertanyaan (*b*) suka saya menyatakan bahawa anak yang bapa mereka meninggal dunia akibat tugas tentera atau disebabkan pertempuran dengan musuh adalah layak diberi elaun pelajaran dari salah satu sumber berikut:

(*a*) Elaun Pelajaran yang dibayar di bawah Peraturan The Federation Army (Retired Pay, Pensions, Gratuities and Other Grants) (Amendment) Regulations, 1975 mengikut kadar yang dipersetujui oleh Majlis Angkatan Tentera setelah menimbangkan syor Pegawai Kebajikan Masyarakat yang menyiasat sesuatu kes itu.

(*b*) bantuan pelajaran dari Tabung Perwira Nagara mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Seorang bekas askar yang mati dalam perjuangan tentu meninggalkan anak dan juga isterinya, dan para suami yang bertugas tentu sekali ada tempat tinggal iaitu barrack tentera. Apabila meninggal dunia oleh kerana ditembak oleh musuh ataupun sakit tentu sekali si janda dan anak-anaknya terpaksa keluar daripada barrack. Adakah Kerajaan menimbangkan untuk mengadakan tempat tinggal kepada anak dan isterinya?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi dalam hal ini begitu jugalah keadaannya dengan mereka yang bertugas dengan Kerajaan di jabatan-jabatan yang lain. Jadi, dalam hal ini Kerajaan setakat ini hanya mempunyai sekim untuk menampung dari segi keperluan sara hidup dan kewangan balu-balu kepada angguta-angguta tentera kita ini kerana Kerajaan sekarang ini tidak mempunyai sekim untuk memberi sebarang bantuan perumahan sebagai ganti barrack dan sebagainya kepada balu-balu ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan bantuan yang diberi kepada anak-anak perajurit yang telah gugur, tidakkah boleh Kerajaan membuat peraturan supaya bantuan pelajaran itu diberi secara otamatis kepada tiap-tiap anak perajurit yang telah gugur itu?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, tentang bantuan kepada anak-anak bekas perajurit biasanya boleh dikatakan kebanyakan daripada mereka layak untuk mendapat bantuan tetapi tertakluk, seperti saya katakan tadi, kepada lapuran daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat, tetapi biasanya mereka mendapat bantuan ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada peraturan-peraturan itu. Apa yang saya maksudkan tadi oleh kerana mereka ini ialah

anak-anak perajurit yang telah gugur, jadi tidakkah boleh Kerajaan membuat peraturan supaya, anak-anak perajurit yang telah gugur ini secara otomatis mendapatnya dengan tidak payah melalui peraturan-peraturan itu.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jikalau anak-anak itu adalah anak kepada bekas perajurit yang mati di dalam perjuangan, sepanjang pengetahuan saya kerumitan tidak timbul untuk mendapatkan bantuan persekolahan itu, cuma kadang-kala kerumitan itu timbul apabila sebab kematiannya itu diragukan mungkin tidak di dalam action ataupun bukannya di dalam operasi dan sebagainya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri maka nyatalah bahawa ada perbezaan di antara perajurit di mana mereka mati di dalam bertugas dan mati kerana sakit misalnya, tetapi pada hakikatnya mereka adalah angguta tentera pasukan keselamatan yang bertugas selama 24 jam, samada dia mati kerana ditembak oleh musuh ataupun dia mati kerana sakit, maka layanan Kerajaan kepada balu dan anaknya mestilah sama sebab tugas mereka diberikan. Soalan yang saya hendak kemukakan sebagai mengekori soal Senator Kamarul Ariffin iaitu adakah Kerajaan bercadang hendak menimbangkan bahawa mereka itu disamakan tarafnya sehingga tidak ada anak yang teraniaya, kerana bapanya mati kerana sakit atau di langgar motokar ataupun accident dengan bapanya yang mati kerana tugas, padahal mereka bertugas bersama-sama, adakah Kerajaan bercadang tidak melambatkan bantuan kepada mereka ini supaya tidak tergendala mata pelajarannya?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang ini tidak melambatkan bantuan-bantuan ini kerana mengikut soalan Ahli Yang Berhormat tadi adakah cadangan tidak melambatkan. Jadi, soal melambatkan ini bukanlah timbul daripada Kerajaan atau ini kehendak Kerajaan sendiri, tetapi kadangkala berlakunya kelambatan, saya ingin memberi penjelasan sedikit, oleh sebab mungkin peraturan-peraturan dan kajian yang kadang-kala apabila sebelum sebarang bantuan itu dikeluarkan, terutama sekali pencen kepada balu-balu. Berbagai punca yang lain terpaksa diselidiki dahulu. Tentang soal yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menimbangkan perkara ini dari masa ke masa tentang jenis bantuan keseluruhannya termasuklah apa yang Ahli Yang Berhormat telah timbulkan tadi dan kali yang terakhir Kerajaan telah buat ialah pada tahun 1972. Kerajaan tiap-tiap kali mengkaji semula tentang pemberian kepada balu-balu bekas perajurit ataupun anak-anak mereka ini sentiasa menimbangkan semua aspek termasuk apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan sesuatu kejadian mungkin memakan masa sampai bertahun-tahun ataupun sekurang-kurangnya berminggu-minggu sebab dia hendak report, cari pegawai itu cari pegawai ini, tugas itu tugas ini, sedangkan budak ini, anak-anak ini kena bersekolah pada hari kematian bapanya esoknya ataupun lusanya maka tidakkah boleh dibuat satu polisi supaya anak bekas angguta pasukan keselamatan, manakala bapanya mati sahaja dengan sendirinya dia mendapat bantuan pelajaran dengan tidak payah disiasat begitu begini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan mempunyai system di mana kalau sebarang bantuan yang patut diberi itu mungkin akan memakan masa sebelum dapat diberi kepada balu-balu ini, ada pula saluran yang lain di mana pendahuluan boleh diberi kepada balu-balu ini dan juga pada anak-anak mereka supaya sebarang kelambatan ini tidak akan menggagalkan sebarang usaha ataupun rancangan yang dijalankan, yang mahu dijalankan ataupun balu ataupun anak-anak bekas perajurit ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir soal yang dihadapkan itu Timbalan Menteri yang berkenaan susah hendak menjawabnya, kerana Timbalan Menteri ini baru masuk (*Ketawa*) dan beliau pun Timbalan sahaja bukan Menteri penuh. Jadi saya hendak baiki sedikit soalan saudara saya tadi iaitu bukan lagi soal Kerajaan, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan, bukan Kerajaan ini, soal tadi adakah Kerajaan, tetapi saya tidak. Soalan saya adakah Timbalan Menteri berkenaan bercadang oleh

kerana memandang kepada soal-soal yang timbul ini untuk membawa perkara ini kepada Kementeriannya supaya keadaan itu diperbaiki pada masa hadapan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Timbalan Menteri, Menteri-menteri yang lain dan saya dari semasa ke semasa dan masa ini juga sedia menimbangkan dan mengkaji segala syor-syor yang ditimbulkan itu bagi kebaikan mereka yang patut menerimanya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana taraf hidup askar-askar kita dan keluarga mereka itu tidak begitu memuaskan adakah apa-apa rancangan untuk meninggikan taraf hidup iaitu seperti menaikkan gaji mereka pada masa akan datang?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Itu soalan lain (*Ketawa*).

RAMPASAN CANDU/MORPHINE/HEROIN/GANJA

2. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

(*a*) banyaknya dadah yang dirampas dan bilangan penagih-penagih dadah yang ditangkap dalam tahun 1975;

(*b*) bilangan penagih-penagih dadah yang dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan dadah hingga sekarang dan dari jumlah ini berapa ramaikan penuntut-penuntut;

(*c*) samada benar bahawa pihak komunis telah menggunakan dadah sebagai suatu senjata untuk mencemar disiplin dan moral rakyat kita; dan

(*d*) jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini supaya perkara ini dapat dikawal ataupun dihapuskan sama sekali.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Dalam tempoh setengah tahun pertama (Jan.-Jun) 1975 dalam tempoh enam bulan pihak-pihak penguatkuasaan iaitu Polis, Kastam dan Pusat Biro Narkotik telah membuat rampasan seperti berikut:

Candu mentah	...	1,379 paun
Candu masak	...	4.58 auns
Morphine ...	...	29 paun
Heroin ...	...	112 paun
Ganja ...	...	713 paun
Pokok ganja	...	9,697 batang

Jumlah tangkapan ialah 1,470.

(*b*) Bilangan penagih-penagih dadah yang dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang disediakan oleh Kerajaan hingga 26hb November 1975 ialah seperti berikut:

(i) Kuala Kubu Bharu	5	orang
(ii) Bukit Mertajam ...	5	,,
(iii) Tampoi (Johor) ...	1	,,
(iv) Pusat Pertolongan (Help Centre Ipoh) Badan Sukarela ...	280	,,
	291	,,

Daripada jumlah ini 4 orang adalah murid-murid sekolah.

Angka-angka ini tidaklah boleh dijadikan sukatan jumlah penagih-penagih dadah yang ada dalam negeri kita kerana tempat-tempat rawatan dan pemulihan yang diadakan oleh Kerajaan yang saya sebutkan tadi hanya baru dibuka pada bulan Oktober ini, maknanya dalam tempoh sebulan. Saya percaya sekarang ini jauh telah bertambah banyak tetapi saya tidak ada bilangannya sekarang ini. Ramai lagi penagih-penagih dadah yang belum sampai ke tempat-tempat rawatan oleh kerana mereka itu masih belum tampil ke hadapan dengan sukarela untuk menerima rawatan.

Dengan penerangan-penerangan yang diberi melalui Radio, TV, akhbar dan majlis-majlis penerangan adalah dijangka ramai lagi penagih-penagih yang akan datang dan meminta pertolongan rawatan. Adalah harapan Kerajaan supaya penagih-penagih itu sendiri sedar bahawa rawatan dan pemulihan atas diri masing-masing sangatlah mustahak dalam ikhtiar Kerajaan

untuk mengurangkan dan membasmikan masaalah menyalahgunakan dadah ini. Terpulanglah kepada mereka itu sendiri khasnya dengan nasihat ibu-bapa menebus kesihatan dan nyawa masing-masing itu di tempat-tempat rawatan yang telah disediakan oleh Kerajaan dengan percuma dan tempat-tempat sukarela yang ada supaya masyarakat dan negara ini terpelihara daripada penyakit sosial yang sangat merbahaya ini.

(*c*) Tidak ada keterangan yang tepat menunjukkan pihak kominis telah menggunakan dadah sebagai satu senjata untuk mencemarkan displin dan moral rakyat di negeri ini. Sebaliknya keterangan-keterangan yang kita dapati bahawa pihak kominis telah memberi kerjasama dengan pengedar-pengedar dadah untuk menyeludup dadah masuk ke negeri ini khasnya melalui sempadan di utara dan mendapat wang bayaran kerana kerjasama itu dan wang itu pula boleh digunakan untuk keperluan pihak kominis dan ajen-ajennya.

(*d*) Tindakan-tindakan yang diambil dalam perkara ini adalah dengan menangkap penyeludup-penyeludup dan pengedar-pengedar dadah supaya bekalan-bekalan dadah yang masuk ke dalam negeri ini boleh berkurangan.

Tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum kalau kita pandang daripada angka yang ditangkap dalam enam bulan 1,470 orang termasuk pengedar besar dan kecil dan yang menyimpan dadah, pada pengalaman saya dan pada pengalaman dunia-dunia lain kata orang putih tangkapan itu ialah on the tip of an iceberg atau pucuk di atasnya sahaja dan kita sedar kalau sekiranya yang ditangkap itu dengan sedaya-upaya Kastam, Polis dan pihak Biro Narkotik cuma 20% bermakna 80% yang lepas. Ini semua maklum dalam perkara ini dan semua jenayah khasnya dalam perkara ini mustahil dapat 100%. Misalnya, dalam tiga bulan dalam Malaysia ini tiga sahaja khalwat itu tidak bermakna tiga orang khalwat, barangkali 100 tetapi tidak dapat ditangkap.

Selain daripada tindakan itu, undang-undang telah juga kita pinda dari satu masa ke satu masa menjadikan kesalahan-kesalahan memiliki dan mengedar dadah merbahaya ini satu kesalahan yang lebih berat yang boleh dihukum, kita semua tahu hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sebat tidak lebih daripada enam rotan dan baru-baru ini kita luluskan satu lagi undang-undang kalau menanam ganja pula hukumannya jel seumur hidup. Tetapi hukuman sahaja pun kita semua maklum cuma menakutkan sahaja dan tidak boleh menghapuskan atau membasmikan melainkan daripada kerjasama daripada semua pihak. Ikhtiar yang cukup dengan semua pihak telah dijalankan oleh pihak Kastam, Polis dan Pusat Biro Narkotik di bawah jagaan saya dan kerjasama yang rapat telah juga kita adakan dalam negeri-negeri jiran tetangga atau Asean di mana mesyuarat diadakan dari satu masa ke satu masa dengan perwakilan biro-biro dari negeri Filipina, Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia dan berkali-kali mesyuarat, bekerjasama dan bertukar maklumat dalam perkara pengedaran dan penyeludupan dadah di kawasan Tenggara Asia ini. Itulah cara-cara yang dapat Kerajaan ambil.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu di Hong Kong sesiapa juga penagih dadah ada cara mengubatnya iaitu acupunture namanya, dicucuk entah macam mana saya pun tidak tahu, orang itu boleh baik daripada ketagih dadah. Adakah kita hendak menghantar doktor-doktor di sini untuk belajar supaya dapat mengubatkan orang yang ketagih dadah dengan cara acupunture ini atau tidak?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak tahu daripada mana Ahli Yang Berhormat dapat maklumat itu (*Ketawa*). Setahu saya hingga hari ini kita belum dapat segala maklumat sehingga daripada Amerika Syarikat dan serata dunia the latest method cara yang baharu sekali kalau boleh berkenaan dengan bagaimana hendak mengurangkan penagih dadah ini. Baru-baru ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan pemulihan iaitu Yang Berhormat Puan Hajjah Aishah telah pergi ke Thailand kerana di Thailand ada satu cara yang baik dan juga pergi ke Hong Kong. Saya tidak tahu dan saya akan tanya beliau samada cara yang disebut tadi dan juga Filipina yang mana beliau baru pulang. Kalau ada cara-cara yang baik itu akan dibuat. Tetapi saya suka menerangkan di sini,

saya pun baru balik daripada Singapura, didapati daripada 100 orang yang kita pulih di sana, dan saya percaya negeri kita ini juga kalau tidak jaga mengambil masa hendak memulihkan seseorang itu daripada penagih dadah kadang-kadang setahun, itu 80 atau 70 akan balik semula menghisap dadah ini. Kerajaan membelanjakan beribu ringgit untuk seorang itu dengan ditanggung makannya setahun, lepas dua tiga bulan dia akan senang sahaja balik semula. Inilah penyakit yang saya hairan bagaimana kalau ada ubat betul-betul satu kali injek dia tidak hendak lagi, saya tidak tahu. Tetapi pengalaman yang kedua yang saya dapati daripada Singapura, saya suka menerangkan di sini, mereka itu balik semula dengan sebab tempat rawatan itu bagus dan sihat. Bila sakit ada cucuk tidak bisa lagi.

Pengalaman yang baru ialah the cold turkey treatment. Itu cara baru iaitu sesiapa penagih dadah akan dimasukkan ke satu tempat dikunci seperti lokap, ngari bunyinya seperti aniaya. Dalam masa empat hari masa withdrawal, masa dia tidak dapat dadah itu mereka ini akan mengelupur seperti ayam disembelih kerana berkehendakkan sangat dadah itu, dengan bisanya empat hari lepas itu dia lemah. Jangan dibantu dengan cucuk supaya hilang sakit. Misalnya, sakit gigi kita cucuk hilang sakit gigi. Biarkan dia empat hari menderita separuh nyawa lepas itu baru dipulihkan. Kalau ada 100 orang 20 orang sahaja balik semula dan 80 orang tidak lagi kerana takut kena lagi sekali cold turkey treatment. Saya akan cuba di sini kerana manusia ini dalam pengalaman kita, sakit selalu dikenang; perit sakit dan derita itu dikenang, tetapi kesedapan tidak dikenang dan diulang balik.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan bukannya cucuk atau injeksen, tetapi ini adalah acupuncture yang diamalkan oleh orang China di Kominis China. Ada doktor dari sini telah pergi ke Hong Kong belajar perkara ini dan dia akan balik. Saya hendak tahu jikalau perkara ini ada maka adakah Kerajaan hendak menghantar lebih banyak lagi doktor-doktor di negeri kita untuk belajar perkara ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mendengar perkara ini, tetapi saya akan menulis surat kepada Pusat Biro Narkotik dan Peguam Negara di sana bertanya betulkah ada. Kalau dia menyatakan betul sah dan sahih, baru saya berani belanja sedikit menghantar seorang doktor ke sana. Saya bimbang takut membuang-buang wang Kerajaan. Saya hendak sahkan perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya mengambil ingatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi ada dua soalan yang hendak saya kemukakan. Pertama tadi telah dikatakan 1,470 orang telah ditangkap. Dalam yang ditangkap ini adakah terdapat pelancung (tourist) daripada luar negeri.

Kedua, tadi telah dinyatakan ada candu mentah yang kita tangkap. Adakah dalam negeri ini telah didapati ada pokok candu telah ditanam oleh rakyat.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soal pertama yang saya tahu iaitu seorang Australia yang telah ditangkap di Pulau Pinang baru-baru ini yang kena hukum, kalau tidak salah saya 7-8 tahun penjara dan sebat enam rotan. Pada masa yang lepas di Johor ada dua orang Australian juga sedang hendak mengangkat satu guni ganja di tepi jalan di sebelah Johor dekat Benut iaitu di Pontian. Selain daripada itu, tidak ada yang ditangkap tetapi yang dihalau keluar yang kita syak baru-baru ini mereka ini jadi pengedar atau pembawa dadah keluar daripada negeri kita, khasnya Pulau Pinang dengan kapalterbang, kerana masa itu tidak percaya orang-orang kulit putih ini yang menjadi pengedar dan sekarang kita dapat tahu hal ini. Selain daripada itu, saya tidak tahu ada yang kita dapat tangkap.

Kedua, candu memang tidak pernah ditanam di sini. Berkenaan poppy ini saya fikir tidak boleh hidup di sini. Belum ada saya jumpa dan saya belum mendengar lagi candu ini atau pokok poppy yang dapat candu itu ditanam di tanah Malaysia ini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah keterangan iaitu ajen-ajen daripada Kerajaan negeri kita ada sangkut membawa masuk dadah ke dalam negeri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya dengar perkatan sangkut tadi (*Ketawa*) terlibat. Saya ingat enjin sangkut. Yang saya tahu ajen kita tidak ada; tidak ada yang terlibat. Information yang dibawa keluar negeri itu daripada ajen kita yang dapat kita Kerajaan di sini memberitahu dengan menggunakan special teleprinter kepada Vienna dan Belgium menangkap mereka yang membawa dalam kapalterbang itu ialah daripada orang kita sendiri. Ajen yang kita sedia ada yang kita tahu tidak ada involve dalam perkara ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai banyaknya dadah sehingga beribu-ribu paun. Jadi saya hendak dapat tahu adakah dadah, candu mentah, candu masak heroin dan sebagainya yang telah dikumpulkan di satu-satu tempat, adakah benda itu dimusnahkan? Kalau ada dimusnahkan, adakah Yang Berhormat Menteri yakin bahawa betul-betul dimusnahkan atau diserahkan pada pegawai itu kemudian diedarkan balik?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Benda ini belumlah sehingga sekarang, saya sudah lama jadi Peguam Negara yang dapat tahu perkara itu timbul mana yang ditangkap itu digunakan balik. Sebab itulah perkara yang sangat kita jagai kerana mereka yang bertanggungjawab itu saya tak ada syakwasangka yang mereka akan belot akan menggunakan barang-barang yang dirampas itu dikeluarkan balik, sebab kita ada rekod tiap-tiap satu itu bagaimana dia disimpan di mana dia dimusnahkan, misalnya candu sudah banyak sangat di simpan di Alor Star, berpuluh pikul terpaksa dipotong-potong dibuang ke laut, kita bimbang merbahayanya disimpan itu, tak boleh tahan kerana kalau misalnya satu malam dipecahkan, lepas balik bukan sedikit. Demikian juga heroin. Heroin ini jikalau sudah habis kes perbicaraan hendaklah director sendiri dan diakui oleh dua orang lain, saya tak campur perkara itu kerana tak ada masa Menteri hendak menengok sama, samada dimusnahkan atau diserahkan kepada Jabatan Kimia supaya dapat digunakan bagi perubatan. Perkara ini sememanglah seratus-peratus saya percaya dan pihak yang bertanggungjawab akan cemburu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kerana kita bimbang tiap-tiap kali perkara ini keluar balik, hendak ditangkap tak dapat, dan sentiasa Kerajaan bayar information, hadiah yang beritahu. Perkara yang dibimbangkan ini adalah di dalam jagaan yang baik.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya berkenaan dengan penghisap dadah ini setengahnya kita dapat tangkap di tempat dia menghisap dan dihantar ke tempat pemulihan, tetapi setengahnya kita tak dapat tangkap tetapi kita tahu dia menghisap dadah. Adakah telah diarahkan kepada pihak berkenaan atau Polis untuk menangkap orang itu untuk dihantar ke tempat pemulihan? Kedua, daripada penghisap dadah itu juga selain daripada belia-belia daripada sekolah maka terdapat juga kakitangan Kerajaan. Apakah tindakan yang telah diambil kepada kakitangan Kerajaan yang menghisap dadah itu samada diberhentikan kerja dengan serta-merta atau bagaimana tindakannya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat tahu dia penghisap tetapi kalau tak ada keterangan tak jumpa dia menghisap, cuma tahu dia ketagih, dan saya sendiri akan mengambil tindakan untuk menangkapnya dengan mengambil orang itu dan pihak Polis boleh berkuasa menangkap atau Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh menangkap seseorang itu supaya diperiksa oleh doktor, dan jika didapati dengan diperiksa darah dan air kencing dan lain-lain, maka jika didapati dia ketagih dadah maka boleh diperintahkan dan dihantar ke Pusat Pemulihan Kerajaan sehingga satu tahun, maka dia boleh ditangkap walaupun dia tak menghisap kalau dia diketahui ketagih, tetapi apabila diperiksa doktor dia dikatakan tak cukup ketagih, baru sedikit-sedikit tak boleh juga kita ubatkan, lepaskan dan nasihatkan sahaja.

Perkara yang kedua tadi, kakitangan Kerajaan kalau kita dapat mereka itu selalu kalau dia mempunyai dan menyimpan dadah kita tuduh dia di mahkamah, kalau dapat tahu dia cuma menghisap sahaja atau mengguna salah satu dadah, kita akan menyampaikan kepada Ketua Setiausaha Kerajaan Federal atau Kerajaan Negeri supaya tindakan disiplin akan diambil kepada mereka itu khasnya kalau mereka itu ada memegang tugas yang penting, secret dalam Kerajaan. Tetapi apa yang saya tahu di Ipoh ada 4-5

orang kakitangan Kerajaan yang ada bekerja pada siang hari, balik lepas pukul 4 petang terus dia masuk rumah Health Centre Ipoh untuk rawatan. Siang dia bekerja, tetapi malam dirawat. Mereka ini tidak dibuang kerja kerana kerjanya itu, saya tak hendak sebutkan, kerjanya tak banyak menggunakan otak sangat—kerja tangan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menerangkan berhubung dengan apa yang disarankan tadi dalam jawapan yang telah lepas berkenaan soalan asal ini iaitu Yang Berhormat Menteri meminta kerjasama daripada orang ramai dan termasuk juga Ahli-ahli Dewan ini supaya berikhtiar untuk menghadapi penyakit dadah ini samada dari segi menolong pihak Polis dan sebagainya ataupun memberi nasihat kepada penagih dadah. Jadi saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan tanda-tanda seseorang penagih dadah itu supaya boleh dikenali perbezaannya di antara orang yang tidak ketagih dadah, supaya dapat orang ramai dengan penerangan Yang Berhormat Menteri itu mengambil tindakan sama dan memberi kerjasama dalam masa-alah ini. Apakah tanda-tanda seseorang yang mengidap penyakit dadah itu, apakah bezanya dengan orang ramai orang biasa, sebab mungkin dia tak hisap di depan orang ramai, dia hisap di tempat-tempat sunyi, tetapi kesan-kesannya bolehkah kita kenali. Apakah tanda-tanda perbezaannya dengan orang biasa? Itu sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya akan arahkan pada Pusat Biro Narkotik akan menghantar phamplet mengandungi segala information kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat selepas sidang Dewan ini.

"RAJA LAUT"—ANCAMAN KEPADA NELAYAN

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) siapakah sebenarnya "Raja Laut" yang selalu mengancam keselamatan nelayan-nelayan di Pantai Port Weld; samada ia dan kumpulannya warganegara di sini atau orang-orang asing dan samada mereka beristeri dan berkeluarga; dan

(*b*) mengapakah pihak Polis tidak berjaya menangkapnya sejak 10 tahun yang lepas ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan Raja Laut itu adalah seorang yang telah bergerak cergas dalam kegiatan-kegiatan kongsi gelap dan rompakan laut, di sepanjang Pantai Utara, Perak dengan nama Tan Kuan Seng atau Tan Meng, dan juga dikenali sebagai "Raja Perompak". Selain daripada perompak di laut beliau bercergas dalam kegiatan-kegiatan penyeludupan candu dan tembakau serta memeras ugut wang yang banyak dari majikan-majikan batu arang, penternak kerang dan ladang di kawasan Pantai Utara, Perak.

Pada masa sekarang sudah tidak ada lagi lapuran yang menunjukkan yang ia mengganas terhadap nelayan-nelayan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar bahawa manusia yang disebut Raja Laut itu pada sisi nelayan di kawasan yang disebutkan itu ialah sebagai "pelindung nelayan-nelayan" di sana, supaya mereka tidak terancam oleh nelayan-nelayan di luar negeri.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang barangkali ada kemungkinan juga jadi "pelindung" ataupun mereka (nelayan) takut diperas ugut, tetapi dari kenyataan-kenyataan akhir yang didapati oleh Polis bahawa orang yang dikatakan Raja Laut atau Raja Perompak tadi sudahpun berumur lebih kurang 55 tahun dan dia seorang tahi candu dan boleh dikatakan sekarang ini sudah uzur dan tidak dapat bergerak seperti dahulu lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kalau sudah uzur dan tak dapat bergerak, kenapa sehingga sekarang belum lagi dapat pihak Polis membuat tangkapan ke atasnya?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini agak sukar sedikit bagi pihak Polis, walaupun selalu Polis mengadakan kepungan dan juga tangkapan-tangkapan ataupun serbuan-serbuan mengejut tetapi Raja Perompak ini, saya ingat Raja Perompak, bukan Raja Laut, bukan sahaja dia lari, kerana dia mempunyai dua orang

isteri, tetapi juga dia lari ke Singapura dan juga ke seberang—Sumatra. Jadi agak sulit juga pihak Polis untuk menangkapnya dan usaha-usaha sedang juga diambil oleh pihak Polis, bererti sentiasalah mereka di awasi dari semasa ke semasa.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub: Soalan tambahan. Setelah kita mendengar jawapan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa Raja Laut itu susah hendak ditangkap kerana salah satu daripada sebab-sebabnya mereka ini selalu lari keluar negeri samada ke Singapura, Indonesia dan sebagainya, tidakkah ada sesuatu perjanjian antara Kerajaan kita Malaysia dengan negara-negara tetangga kita seperti yang disebutkannya tadi dalam masaalah peraturan menangkap dan mengembalikan penjenayah-penjenayah seperti yang kita kenali sebagai Raja Laut ini sehingga masa 10 tahun kita tak dapat menangkapnya. Adakah keadaan ini berpunca kerana tidak ada kerjasama dari Kerajaan-kerajaan tetangga kita itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Peguam Negara menjawabnya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kita cukup memberi kerjasama, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi di mana orang itu di luar negeri pun kita tidak tahu, macam mana hendak ditangkap dan bawa balik.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya mula menyangka Raja Laut ini orang tetapi bila didengar penjelasan-penjelasan daripada dua orang Menteri tadi seolah-olah orang ini bukan orang—hantu, sehingga tidak dapat ditangkap. Bolehkah kita anggap begitu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Barangkali kalau Yang Berhormat biasa masuk ke laut atau biasa masuk ke hutan tentu tahu bagaimana keadaan laut, berapa batu memandang kita boleh nampak. Hal seumpama ini kita janganlah terlalu takut seumpama kita menganggapnya sebagai hantu dan sebagainya. Kalau seseorang itu belayar ke seberang laut kita tahu bagaimana sukarnya hendak menangkap seseorang itu terutama sekali mereka itu cukup dengan alat speed boat dan sebagainya. Dalam pertanyaan Yang Berhormat itu rasa saya tidak perlulah kita takut-takut dalam ini, malahan pihak Polis sendiri memang sentiasa mengadakan kawalan dan juga cuba berikhtiar untuk menangkapnya.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya bertambah hairan bila mendengar jawapan itu sebab kita ada mempunyai Tentera Laut yang cekap dan mempunyai boat laju dan sebagainya dapat mengatasi lanun-lanun ini. Adakah satu keadaan yang boleh kita menganggapkan bahawa Tentera Laut dan juga marine police kita tidak mempunyai cukup alat untuk mengatasi lanun ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu saya hormati. Tidak usahkan di luar sana, dalam negeri kita ini berapa banyak ada yang telah tidak dapat ditangkap, misalnya, Botak Chin Gang dan lain-lain. Inikan pula seorang yang di laut sana boleh lepas, melainkan malaikat sahaja yang tahu bila masa boleh dapat ditangkap. Tidak bermakna Tentera kita, Polis kita tidak cekap dengan sebab seorang itu tidak dapat ditangkap, tinggal lagi kalau soalan yang seperti ini ada menunjukkan macam kita tidak cekap dalam menjalankan tugas, ini tidak sekali-kali bermakna kita tidak sedaya-upaya hendak menangkap mereka itu oleh sebab seorang itu bila hendak ditangkap dia dapat information awal-awal dalam masa 50 minit atau 5-6 jam sudah lepas ke Indonesia. Inilah yang menjadi kesukarannya tetapi satu masa kelak boleh ditangkap tetapi dengan sebab seorang ini tidak dapat ditangkap tidaklah menjadi kesukaran sangat rasa saya atau merbahaya kepada negara. Itu saya minta fahamkan tidak sekali-kali soal itu bermakna yang Navy kita kurang cekap atau Polis kita kurang cekap, sebab perkara itu seorang yang lepas, saya minta pandang sedikit. Pada hal dalam Kuala Lumpur ini sahaja berapa banyak kes merompak yang tidak dapat ditangkap. Kita fikir halus-halus kerana akibah soalan-soalan macam itu saya takut akan menjangkiti atau menyentuh moral pihak berkuasa. Itu saya minta Yang Berhormat tolong timbangkan.

ANGGOTA POLIS NEGERI KELANTAN

4. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menambahkan

bilangan anggota-anggota Polis dalam Negeri Kelantan untuk menjalankan tugasnya dengan lebih sempurna lagi.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya beritahu kepada sidang Dewan Rakyat pada 20-11-1975 Pasukan Polis keseluruhannya sedang diperbesarkan dan rancangan-rancangan telah dibuat untuk menambah anggota Polis seramai 20,000 orang lagi termasuk di Kelantan. Dalam pada itupun pihak Kerajaan menitikberatkan juga kerjasama daripada pihak orang ramai yang telahpun dibuktikan untuk membantu secara tampil kehadapan memberikan maklumat-maklumat yang berguna bagi memudahkan pihak Polis menyempurnakan tanggungjawab serta menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar pihak Polis di bandar Kota Bharu hanya mempunyai satu kereta ronda sahaja. Jikalau benar, samada Kerajaan ingin menambahkan kereta ronda Polis di Kota Bharu untuk bertugas di bandar itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun tidak tahu berapa banyak kereta ronda Polis di Kota Bharu, tetapi kalau sekiranya benar satu tidak mencukupi, saya bolehlah hubungkan soalan ini kepada Pejabat Polis.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 1975 kes pencolekan berlaku sebanyak 7 dan 3 daripadanya berlaku di Kelantan. Adakah Kerajaan bercadang memperkuatkan pasukan Polis kita lebih dengan alat-alat tambahan pula negeri itu berhampiran dengan negeri tetangga yang bersempadan diperbatasan. Adakah Kerajaan bercadang menambah kekuatan ini supaya perkara-perkara yang saya cakapkan seumpama ini dapat dikurangkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang hendak menambah.

BANGUNAN PENTING KERAJAAN—LANGKAH KESELAMATAN

5. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menjaga bangunan-bangunan penting Kerajaan seperti Bangunan Parlimen, Muzium Negara, Angkasapuri dan lain-lain bagi mengelakkan kejadian mengebom seperti yang berlaku ke atas Tugu Peringatan Negara dan Markas Pasukan Polis Hutan di Jalan Pekeliling baru-baru ini dari berlaku lagi di masa hadapan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan di Dewan Rakyat, langkah-langkah sudah pun diambil untuk mengawal bangunan-bangunan tempat-tempat penting Kerajaan. Setengah daripada langkah-langkah itu adalah seperti berikut. Bangunan tempat yang dianggapkan penting yang melaksanakan aktiviti ekonomi negara perhubungan atau khidmat perlu adalah dikawal sepanjang waktu oleh Pasukan Keselamatan. Bantunan lain yang dianggap mustahak dikawal diisytiharkan sebagai tempat larangan di tempat-tempat berkenaan terdapat aturan-aturan tertentu mengenai keluar-masuk ronda, pagar dan lampu. Tiap-tiap Jabatan Kerajaan telah diarah mengadakan kawalan keluar-masuk serta peraturan-peraturan keselamatan harta benda dan bangunan.

LESEN KEPADA SYARIKAT PENGANGKUTAN

6. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan syarikat-syarikat pengangkutan yang telah dikeluarkan lesen untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan (i) sewa-sebuah-kereta, (ii) sewa dan pandu (iii) bas mini.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sewa-sebuah-kereta dan sewa dan pandu adalah sama. Jumlah bilangan syarikat-syarikat pengangkutan yang telah dikeluarkan lesen untuk kereta perkhidmatan-perkhidmatan sewa dan pandu ini adalah sebanyak 24 buah untuk menjalankan sebanyak 168 buah kereta sewa dan pandu sendiri itu. Berkenaan dengan Mini Bas pula setakat ini sebanyak 296 lesen Bas Mini telah dikeluarkan kepada 104 pengusaha-pengusaha (termasuk syarikat-syarikat dan orang perseorangan).

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari pada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bas mini ini adakah Yang Berhormat Menteri bercadang juga hendak mengeluarkan lesen-lesen di bandar-bandar Ibu Negeri lain di dalam Persekutuan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kajian sedang dibuat di bandar-bandar seperti di Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu, Kelantan dan sebagainya samada perlu mengeluarkan lesen mini-bus ini atau tidak. Jika kita fikir perlu kita akan keluarkan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan adakah pertimbangan akan dibuat untuk membenarkan perkhidmatan bas-bas-mini tadi tidak terhenti setakat bandar-bandar ibu kota sahaja, bahkan melibatkan juga kawasan luar bandar yang benar-benar memerlukan perkhidmatan seperti itu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedia menimbang sama.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi kajian adalah sedang kita jalankan pada waktu ini. Pendek kata, saya adalah sentiasa bersedia mempertimbangkan jikalau perlu.

PIAWAIAN MUTU BARANG-BARANG TEMPATAN

7. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menyelaras atau menetapkan piawaian mutu barang-barang tempatan yang bermutu, kerana mutu barang-barang tempatan telah merosot akibat penyeliaan dan kawalan yang tidak cekap.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini melalui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindastrian Malaysia (SIRIM) dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindastrian sedang mengambil langkah-langkah bagi menyelaras dan menetapkan mutu barang-barang tempatan supaya orang ramai boleh mendapat barang-barang tempatan yang bermutu. Kilang-kilang perindastrian yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindastrian adalah dikenakan syarat iaitu kilang tersebut hendaklah mengeluarkan barang-barang keluaran yang mutunya diterima oleh Kementerian Perdagangan dan Perindastrian. Mutu ini hendaklah setaraf dengan "standard" yang ditetapkan oleh SIRIM, jika ada, atau lain-lain standard yang diterima oleh Kementerain Perdagangan dan Perindastrian. Syarat yang di atas adalah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindastrian di mana Pegawai-pegawai Bahagian Perindastrian membuat siasatan terhadap mutu pengeluaran sesebuah kilang terutama sekali apakala terdapat aduan-aduan mengenai mutu barang keluaran tersebut.

Di samping itu, Majlis Perlindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang ditempatkan di Kementerian Perdagangan dan Perindastrian juga dipertanggungjawabkan untuk mempastikan yang barang-barang keluaran sesebuah syarikat itu mencapai mutu yang tinggi khusus untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

TALIPON DI WILAYAH PERSEKUTUAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah masih banyak lagi permohonan-permohonan talipon di Wilayah Persekutuan belum diproseskan lagi.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Talikom sedar atas bilangan permohonan-permohonan talipon yang masih lagi belum diberi perkhidmatan dalam Wilayah Persekutuan.

Ini ialah disebabkan kenaikan permintaan talipon yang terlalu banyak semenjak tahun 1972 hingga 1975. Kadar rata atas kenaikan permohonan-permohonan talipon dari masa 1966-1970 ialah 7.26% setahun tetapi dari tahun 1972 hingga ke sekarang kadar kenaikan ini ialah lebih kurang 24% setahun. Oleh kerana kenaikan ini terlalu tinggi dan masaalah-masaalah yang disebabkan oleh krisis minyak dalam tahun 1973 yang melibatkan kesusahan mendapatkan kebel dan lain-lain maka ini menimbulkan kelambatan untuk melayan permohonan-permohonan tersebut.

Jabatan Talikom yang menyedari atas kadar yang terlalu tinggi ini telah mengambil tindakan yang segera untuk merancang dan mengadakan tambahan alat ibusawat talipon dan juga menanam tambahan baru, kebel-kebel pelanggan supaya dapat memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan baru.

Rancangan-rancangan ini sekarang sedang diselenggarakan di beberapa kawasan dengan mengadakan ibusawat-ibusawat talipon baru. Dalam masa empat bulan yang lampau kira-kira 900 pemohon-pemohon telah diberi perkhidmatan dalam kawasan-kawasan Bungsar Park, Bungsar Baru Bandaraya dan Lucky Garden. Kerja-kerja selanjutnya sedang juga dijalankan dalam kawasan-kawasan ini dan dijangka dalam masa 3 bulan lagi perkhidmatan akan dapat diadakan untuk memenuhi keperluan dalam kawasan-kawasan ini.

Bersamaan ini juga sekarang sedang dijalankan kerja-kerja kebel dan mengadakan ibusawat-ibusawat di kawasan-kawasan Taman Midah, Taman Cheras dan Taynton View dan kira-kira 800 pemohon-pemohon telah diberi perkhidmatan baru-baru ini. Pemohon-pemohon yang bakinya dalam kawasan-kawasan ini kira-kira 800 lagi akan diberi perkhidmatan dalam bulan November.

Kerja-kerja di kawasan-kawasan Jalan Kuchai Lama sekarang sedang berjalan dengan baik dan dengan adanya Ibusawat 5,000 talian baru perkhidmatan akan diadakan sebaik sahaja kerja-kerja kebel sekarang ini siap dan pemohon-pemohon dalam kawasan-kawasan ini dijangka akan mendapat perkhidmatan talipon pada kira-kira akhir tahun.

Kerja-kerja yang sama adalah juga dijalankan dalam kawasan-kawasan yang berikut di Wilayah Persekutuan dan sebaik sahaja semuanya siap, pemohon-pemohon akan diberi perkhidmatan.

Kawasan-kawasan itu ialah:

(*a*) Kawasan-kawasan Sungai Way/Subang

(*b*) Kawasan-kawasan Petaling Jaya.

(*c*) Kawasan-kawasan Ampang.

(*d*) Kawasan-kawasan Batu/Kepong/Jalan Ipoh Bandar Kuala Lumpur, misalnya Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Ipoh, Jalan Bukit Bintang, Jalan Birch dan Jalan Shaw.

Jabatan Talikom memberi keutamaan yang penting kepada kerja-kerja ini dan segala daya usaha adalah dibuat untuk mempercepatkan semua kerja-kerja seumpama ini supaya sekim-sekim kebel-pelanggan yang perlu dapat disiapkan dengan seberapa cepat dan perkhidmatan dapat diberi kepada pemohon-pemohon talipon.

Untuk memudahkan pelanggan-pelanggan dan orang ramai berurus dengan Jabatan Talikom di Kuala Lumpur, Jabatan Talikom bercadang mencari dua tempat, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Petaling Jaya di mana orang ramai dapat menyelesaikan perkara-perkara permohonan talipon, pembayaran bil dan lain-lain. Pada masa sekarang mereka pergi ke Ibusawat Damasara, tetapi dengan adanya dua tempat ini akan memudahkan orang ramai.

Berkenaan dengan tuduhan apa yang dikatakan "racket" yang dibabitkan dengan Jabatan Talikom, yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini pada minggu lepas, saya difahamkan iaitu Jabatan Talikom telah pun melanjutkan semenjak beberapa ketika yang lalu kepada B.S.N. aduan-aduan yang telah diterimanya dalam hal ini untuk tindakan mereka.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa banyak permohonan-permohonan talipon ini lambat dapat dipasang disebabkan kekurangan kakitangan ataupun kelalaian pekerja-pekerja?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Seperti yang saya terangkan tadi bahawa sebab permintaan (demand) talipon jauh lebih meningkat dalam masa yang akhir-akhir ini dan sekarang ini usaha-usaha dijalankan untuk mengadakan banyak tambahan ibusawat baru dan penambahan ibusawat baru ini memakan masa setahun atau dua tahun untuk menyiapkannya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bertambahnya permohonan-permohonan talipon ini dan kemampuan Kerajaan telah mulai lemah untuk memenuhi kehendak-kehendak

ini, adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menukarkan dasar Kerajaan supaya talipon ini diserahkan kepada swasta ataupun perbadanan untuk menjalankan kerja-kerja memasang talipon ini bersama-sama dengan Kerajaan?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Saya suka menyatakan bahawa untuk Rancangan Malaysia Ketiga penambahan talipon akan bertambah sebanyak kira-kira 200%.

SASTERA INDONESIA DI MALAYSIA

9. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa kadar impot kesusasteraan Malaysia tidak seimbang kerana teks sastera Indonesia lebih banyak mengalir ke dalam negeri ini. Jika sedar samada usaha-usaha telah dijalankan untuk melonggar peraturan-peraturan impot buku-buku yang saling memberi faedah kepada penduduk-penduduk kedua negara.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, adalah disedari bahawa kadar impot kesusasteraan Malaysia adalah tidak seimbang berbanding dengan kesusasteraan Indonesia. Besar kemungkinan bahawa teks sastera Indonesia adalah lebih banyak mengalir dalam negeri ini oleh kerana pengeluaran sastera tempatan adalah lebih kurang kiranya dibandingkan dengan Indonesia.

Adalah dimaklumkan bahawa tidak ada sebarang sekatan ke atas teks sastera daripada dan kepada Indonesia.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa satu cadangan iaitu:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam hari ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat di bacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (19hb Januari 1976).

3.26 Ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan kelmarin bahawa Rang Undang-undang ini akan disatukan menjadi satu Undang-undang kesemua undang-undang yang ditiru yang telah lalu mengenai Kerajaan Tempatan. Pada masa yang akan datang kita akan mempunyai hanya dua jenis pihak Penguasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran (Municipality) dan Majlis Daerah (District Council). Ini telah membawa beberapa persamaan kepada semua Undang-undang dan rangka-rangka Kerajaan Tempatan dan adalah satu kemajuan besar dalam pembangunan yang teratur dalam Kerajaan Tempatan di negara kita.

Di sini saya mohon izin untuk menyambung ucapan saya di dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, oppositionists to this Bill will, as far as I can see, criticise this Bill in two respects;

(*a*) that under section 15 all provisions relating to local government elections shall cease to have force or effect;

(*b*) that under section 10, Councillors shall be appointed by the State Authorities.

Under the present circumstances, I support these provisions in the Bill. Critics will argue that by these sections, the Federal Government has stifled or killed grass-root democracy and that there is no more a genuine third tier of government in this country.

I would like to take this opportunity to remind this House on the historical aspect of the original formation of most of the local authorities, especially the past Local Councils. Most of them were formed during the Emergency period in the early 1950's. As such, at that time haste with respect to the security situation was the main essence, and no thoughts were given to the future viability of these local authorities.

As shown from the performances of a great number of local authorities which were elected in the early 1960's, including some that were even held by Opposition parties, there is much to be said about their performances. In the campaign for elections to local authorities in the early 1960's, many Opposition parties were campaigning on the platform of no rates to be collected. Eventually, many of these local authorities were controlled by the Opposition parties. One can imagine that if you do not collect rates, if you do not have money, how are you going to provide the services. This type of irresponsible politicking had been going on for quite some time and as a result of the study made by the Royal Commission of Enquiry under Datuk Athi Nahappan, a lot of recommendations were given and as a result, this Bill came into being and is being passed to the Dewan Negara today.

I do not mean to blame them but the understanding in the responsibility of running local authorities at that time and even at the present moment has not reached the stage where in general, throughout the whole country, the overall appreciation of the responsibilities and powers of local authorities are fully understood by both the people and the Councillors themselves.

Tuan Yang di-Pertua, while I was a Minister for a short time, I have had the opportunity of visiting a number of local authority areas, especially local council areas. It is sad to say, and I am sure it would shock the House here, but one of my pet questions, when I went round visiting those places, was to ask the Local Councillors "Have any one of you read the Town Board Enactment or any of the laws relating to Local Councils?" I am sorry to say I have yet to hear one who has read all the Town Board Enactments or all the Municipal Ordinances pertaining to Local Government. I have even met one Chairman of a Local Council who could not even sign his name, who had to use his thumbprint to sign orders of the day. These are the people who have been elected year in and year out to run Local Councils. This was the situation prevailing in the past and also at the present moment and that if elections were allowed to take place at this present moment, I am sorry to say that the same situation will repeat itself. But as this new legislation provides for the appointment of councillors by the State Authorities, I would like to take this opportunity to appeal to the State Governments concerned to be less political in their appointment of future Councillors. I hope that they will bear in mind that at this stage of the development of the institution of Local Government, that the State Governments concerned will appoint people who can at least read, understand and appreciate the laws of Local Government with respect to this Bill that is being passed in the Dewan today. It is my hope and, if I am not mistaken, it is also the hope of the Federal Government that after a period of time, through the performance of these future local authorities that the ordinary people who are to be governed by these local authorities will come to understand the powers and responsibilities of these new local authority areas, and that perhaps after a period of 10 years the leaders from amongst the community will have shown enough interest in and understanding of the organisation, the powers and the services provided by these local authorities, that I hope that by that time the Federal Government will return elections to the people. Perhaps at that time in the future—I have made an attempt to assess the period of time and that is 10 years—I hope that we can have a return to elections for these new local authority areas.

It is provided in the Federal Constitution that we should have a third tier of Government by the name of Local Government. This is the best time for the Federal and State Governments to be above politics. The whole future of this institution of Local Government is at stake and if this point is not

appreciated, then I am afraid that whatever Bill we have passed here, whatever good intentions that the Ministry and the Minister have through this Bill to bring about a more viable Local Government will be lost and that after a period of time, we may come back to square one, where all the local authorities have broken down again.

I would like to say something on the organisation that may be required in implementing the provisions of this Bill. We have the Ministry of Local Government but I am sorry to say that the implementors of this Bill as yet as it stands are still the State Governments and that if the State Governments do not understand or do not want to understand or re-organise all the departments concerned with Local Government, then I am sure this Bill, after it has been passed in this Dewan and subsequently passed in the various State Assemblies and made into law, will not again be implemented as smoothly all the way as intended by this Bill. I hope that the Minister, through the National Local Government Council, will impress on the Mentris Besar concerned and the various State Authorities concerned on the importance of this Bill for the future development of this country.

I have had the opportunity also to experience attitudes of different State Governments who think that Local Government is a Chinese problem—it is a problem of the Chinese community. I would explain why this attitude is brought about. It is because most of the local authorities, local councils and town boards were mostly concerned with urbanised areas and, in the past, most of the local authorities areas were perhaps run, election-wise, by Malaysians of Chinese descent.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: But not in Kelantan.

Dr Lim Keng Yaik: Well, perhaps not in Kelantan but in the other 10 States in West Malaysia; and some Mentris Besar and State Government have this idea that iaitu masa-alah keturunan China. Jangan kacau saya. Oleh sebab itu ada beberapa langkah-langkah yang Kementerian harus ambil perhatian, tetapi tidak dapat dijalankan oleh sebab tidak ada fikiran di sana. It is because of this. These are very real things. If it is not properly understood and appreciated, I am afraid the same old things will come. Because of this, there are so many things involved. For example, the restructuring of these Local Council areas. Some State Governments which do not understand the logistics behind the restructuring of these Local Authority areas may just stick up a map and say, "Saya suka tempat ini, potong di sini dan masukan ini dalam Majlis Daerah. Di sini tidak cantik, masukkan di sini kawasan yang baharu" (*Ketawa*). If they go on like this they will go back to square one again. Sini tidak ada orang, sana ada banyak orang, itu pun dia tidak kaji. They do not make a study. I ask how many State Governments have studied what is necessary to restructure the Local Authority areas, not in manpower, not in organisational power, just in geographical areas, the new compositions of these Municipalities or these District Councils.

Then again if no thorough understanding is brought about, then the whole viability of these new areas will be in question. No matter how much money you pour in, and you cannot keep on subsidising, but even you keep on pouring in money year in and year out, the whole thing will collapse, because under the principle of Local Government, if there are no houses available, there will be no taxes through assessment to be collected and there will be no money. If there is no money, there will be no services. I hope that because of this point, the various State Government after the passing of this Bill will start thinking of forming a high-powered Local Government Department in every State Government, not run just by any junior Assistant State Secretary in charge of Local Government, not just by any new graduate who has come out from the University or any Assistant District Officer who knows nothing about Local Government who is just promoted and put there. No. We must have a high-powered team of officials in the State Governments to work closely with the Ministry, to re-study the whole problem of the restructuring of local authorities in order for us to have a chance to come out with viable units of local authority areas. Otherwise, I am sorry to say that things are going to happen and in future all these will be broken down again. There must be constant seminars between the Federal unit and the State unit. Even in the District units we hope to train up a new class of local authority administrators who know what the whole job

is about. You look at the past Local Councils. The clerk of the Local Council is just a $150 a month clerk whose main job is to go round and say, "Tabik tuan, saya assess cukai pintu". His whole job is to collect cukai pintu. I have been to one village somewhere in Pahang—I won't mention the name—where we have got a setengah masak kerani. Dia sedikit bodoh. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolong ringkaskan sedikit ucapan itu.

Dr Lim Keng Yaik: Baik. He has a thick enough face to go and ask everyone to pay their rates. As a result there was not one cent owed in rates in that village. In other areas, hundreds of thousands or tens of thousands of dollars were owed in rates.

I would like at this point also to make some observations on the part of the law with regard to rating and valuation. We have in the law sections pertaining to appeals and as far as I can see there are two venues available for people to appeal if they are not satisfied with the new valuation list that is provided time and again. But, however, these two venues are mainly in the form of appeals to the Local Authority and further if after they have been given a hearing and still are not satisfied, the other venue open is to the High Court. But at the present moment, I am sad to say that in the case of the new valuation exercise in Pulau Pinang, one or two politicians from the Lower House came out and asked the people to protest. This is not guiding the people, this is not helping the people because under the law, even before the passing of this new Bill, under the Town Board Enactment, Chapter 137, Section 40, the people must appeal and under Section 42 the pre-requisite is that the local authorities must give them hearings. Now, if the politicians ask the people to protest, whether they are from the Back-benches or they are from the Opposition Parties, they are denying the people the right to being heard about their objections. Protests by all means, but you must ask the people concerned to appeal, if they do not appeal by the specified date they would have lost their right to object and this is a case that has happened in Penang where some politicians—a politician concerned—asked the people to go for mass protest and told them not to appeal. Subsequently, a lot of people lost their right in appealing. There is another case that is going on in Ipoh, where, when new rates were imposed, a lot of people appealed, but the Municipality is not giving them a hearing. Under Section 42 of the Town Board Enactment, Chapter 137, the Municipality must give the people a hearing. If they do not do so, they cannot impose the new rates. I hope that the Minister will look into the matter and perhaps advise the authorities concerned to go according to the law or else in Ipoh alone, there may arise about 2,000 High Court cases suing the Municipality.

Here too, I would like to say something about revenue sharing—perhaps, it is not included in this Bill—but the whole process of revenue sharing between the Local Authorities, State Governments and Federal Government has not been positively looked into at the present moment. I understand that the Ministry of Finance and the Ministry of Local Government are looking into this matter now. Here I appeal to the Minister of Local Government to be on the side of the new local authorities, to negotiate for more taxation powers for these local authority areas so that financially, if not autonomous they will at least stand a chance to survive as viable local authority areas. In this respect, regarding some of the State and Federal Government buildings that are standing in local authority areas, I would urge the Federal and State Authorities to pay up their arrears. As far as I understand, in a lot of local authority areas, the Federal and State buildings owe certain amount of rates and they have not paid up their rates yet.

I hope that the present officers engaged in the various local authority areas, when this new restructuring has been completed will be absorbed into the new service under this Bill and that they will be given training to do a proper job in the future.

According to Section 79 there is a section relating to over-crowding of houses. In Ipoh, Seremban, Penang and Kuala Lumpur there are a lot of old pre-war houses. If you bother to go into them and go to the second or third floor, if they have any third floor, what the landlord has done is he has divided the whole of the occupiable spaces into little cubicles where sanitation is a hazard to health but money is the order of the day and they have charged exorbitant rental rates for these rooms. Because of the shortage of housing in these urban areas the people have been

willing to pay for them even though they are detrimental to their health and I hope that the authorities concerned will look into this matter.

I see that I have spoken at some length and there are still quite a number of speakers. Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali di sini saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar untuk mengemukakan Bil ini di Dewan hari ini dan saya harap Ahli-ahli di Dewan ini semua sekali menyokong dan bersetuju dengan Bil ini.

3.51 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dan saya tidak akan memberi penjelasan yang panjang, saya hanya berharap perjalanan Kerajaan Tempatan ini biarlah bertambah teratur dan bertambah baik.

Apa yang pentingnya di sini ialah kewajipan dan tanggungjawab Kerajaan Tempatan iaitu baik Majlis Perbandaran atau Majlis Tempatan mestilah bertanggungjawab dalam setiap tindak-tanduk mereka lakukan dan mestilah ia tidak bercanggah dengan tuntutan nilai-nilai Rukunegara, terutama kehendak-kehendak ajaran Islam yang menjadi Ugama Rasmi di negara ini. Ini adalah penting. Misalnya, di dalam meluluskan lesen-lesen mengadakan dan membenarkan pesta dan fun fair atau keramaian, maka semangat peribadi negara dan ugama serta kebudayaan hendaklah dititik-beratkan, janganlah terjadi umpamanya, seperti tarian bogel dan setengah bogel. Fun fair, keramaian atau pesta secara tidak langsung menggalakkan rakyat membazirkan wang pendapatan yang sudah memang kita tahu mereka berpendapatan rendah. Ini akan berlakulah gejala curi-mencuri untuk mendapatkan wang bagi mengikuti pesta atau kebudayaan yang berleluasa diikuti dengan jalan maksiat. Oleh itu, hendaklah sama-sama difikirkan. Setiap langkah yang diambil oleh Kerajaan Tempatan mestilah disediakan langkah-langkah dan panduan jangan melanggar cita-cita Rukunegara dan ajaran Islam yang maha suci.

Sebagai satu contoh baru-baru ini ada satu jamuan yang dianjurkan oleh salah sebuah negeri jelasnya Negeri Pulau Pinang dan di majlis itu dengan tidak ada acara dalam ajenda diadakan satu tarian floor show. Jadi, ini juga membawa akibah yang tidak baik. Dengan ini, saya harap Kerajaan yang berkenaan supaya mengambil perhatian dalam setiap tindak-tanduk yang dijalankan.

3.56 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan dan saya memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana menyelaraskan semua Kerajaan-kerajaan Tempatan di negeri ini.

Menurut Bil ini ada disebutkan iaitu apabila Bil ini diluluskan, maka cuma dua sahaja Majlis Tempatan iaitu dinamakan Majlis Perbandaran yang progresif dan makmur ataupun Majlis Daerah yang kurang makmur.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di manakah garisan yang boleh kita buat satu boundary antara satu yang makmur dengan yang bukan makmur, kerana pada pandangan saya dan di dalam pengalaman saya di Pulau Pinang boleh dikatakan kebanyakan Majlis-majlis Tempatan atau Kerajaan Tempatan terlampau kekurangan kewangan atau kewangannya tenat dan tiap-tiap tahun menghadapi deficit. Saya suka bercakap khas berkenaan dengan Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang. Pada masa dahulu Pulau ini cuma ada dua Majlis Tempatan, satu dinamakan Majlis Daerah Pulau Pinang dan satu lagi dinamakan City Council. Pada akhir-akhir ini kedua-dua Majlis ini telah dicantumkan dan diberikan nama L.P.K.T. (Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan).

Di dalam tahun 1975 Kerajaan Tempatan ini telah menghadapi deficit dan pada tahun 1976 akan menghadapi deficit sebanyak kalau tidak silap saya $6 juta. Ini adalah satu angka yang besar dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik tadi memang benar iaitu pada beberapa bulan yang sudah L.P.K.T. tidak ada lain jalan untuk menampung perbelanjaan tahun 1976, mereka telah menaikkan cukai hasil (assessment rate) sebanyak antara 100% sehinggakan 800%. Ini adalah satu angka yang cukup besar, pada pendapat saya, dan penduduk-penduduk di Pulau Pinang mengelisah dan L.P.K.T. telah mendapat kecaman yang

teruk daripada Consumers' Association, daripada akhbar-akhbar tempatan dan orang ramai. Ini telah menyusahkan orang-orang khasnya di bandar yang mana telah menghadapi assessment rate yang cukup tinggi dan tidak ada lain jalan melainkan L.P.K.T. telah menganjurkan satu appeal board, yang mana saya percaya berpuluh-puluh ribu orang telah pergi ke pejabat untuk appeal sehingga hari ini kes ini belum habis. Saya percaya barangkali sehingga bulan Mei barulah selesai appeal ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sememanglah tiap-tiap satu Jabatan ataupun satu-satu Lembaga tidak akan berjalan kalau tidak ada wang. Tetapi tidaklah semestinya menaikkan assessment rate sehingga begini tinggi, kerana kita sedang menghadapi satu masa inflasi dan kalaulah tuan rumah itu mendapat satu assessment rate yang tinggi, terpaksa mereka juga menaruh beban itu kepada orang yang menyewa.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini tuan-tuan punya rumah tidak dapat menaikkan sewa rumah sesuka hati mereka kerana masih ada lagi kuasa Rent Control Act. Kalau hendak dinaikkan tidak lebih daripada 100%. Inilah kedudukan yang ada di Pulau Pinang dan saya minta Menteri yang berkenaan supaya mencari jalan untuk mengatasi perkara ini supaya tidak menjadi satu masaalah yang tidak diingini di Pulau Pinang. Kalau tidak ada wang sebagaimana saya memberitahu tadi tentulah Majlis ini tidak akan berjalan kerana mereka berkehendakkan wang untuk memberi segala kemudahan (service), kesihatan dan sebagainya. Pendek kata, lagi sekali saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan hendaklah mengambil perhatian yang berat supaya tidak berlaku perkara yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua di dalam Bil ini didapati satu provision yang mengatakan Kerajaan Tempatan akan menanggung atau membiayai perbelanjaan-perbelanjaan dan mengawasi tanah-tanah perkuburan di negara ini. Saya sungguh tertarik hati dengan provision ini dan saya berharap Undang-undang ini bukan sahaja menjadi undang-undang bahkan dijalankan terus. Kalau di Pulau Pinang sepanjang yang saya tahu tanah perkuburan Islam boleh dikatakan ketinggalan, penuh dengan lalang dan sebagainya, tetapi yang peliknya tanah perkuburan orang-orang Kristian di Western Road ditanggung dan dibiayai oleh Majlis Tempatan yang ada sekarang. Saya bukannya anti kepada sesiapa tetapi apa yang dikehendaki keadilan. Kalau dapat kita menanggung sesuatu tanah perkuburan yang lain patut juga menanggung tanah perkuburan orang-orang Islam yang mana kalau kita lihat sangat menyedihkan di mana-mana jua. Pendek kata, saya berharap undang-undang ini akan berjalan dengan sebaik-baiknya.

Di dalam masaalah pegawai-pegawai di Kerajaan Tempatan pula saya tidak tahu setakat manakah dasar Kerajaan iaitu sekurang-kurang-nya 30% pegawai-pegawai di Kerajaan Tempatan terdiri daripada kaum bumiputra. Sepanjang yang saya tahu banyak buruh kasar yang bekerja di Kerajaan Tempatan, tetapi orang-orang bumiputra di dalam Division I dan II boleh dikatakan tidak ada sama sekali. Ini sangat mendukacitakan. Saya minta kepada Menteri yang berkenaan mengambil berat dalam perkara ini supaya banyak lagi kaum bumiputra bekerja di dalam Division I dan II dan seterusnya.

Di sini saya suka membawa dua tiga syor untuk Kerajaan Tempatan khasnya di Pulau Pinang iaitu hendaklah Kerajaan Tempatan membuat syarat 30% dari rumah-rumah kediaman dan rumah-rumah kedai dijual kepada bumiptura sebelum meluluskan pelan-pelan bangunan yang dikemukakan oleh swasta atau badan-badan berkanun. Kedua, rumah-rumah pangsa (flats) yang bertingkat 4 atau 5 hendaklah didirikan oleh Kerajaan Tempatan di kawasan-kawasan luar bandar dan peruntukan yang besar sekurang-kurangnya 50% hendaklah dikhaskan kepada kaum bumiputra.

Lagi satu masaalah Kerajaan Tempatan hendaklah mengambilalih kuasa di atas jalanraya-jalanraya (road authority) di kawasan luar bandar dan ini akan memudahkan Kerajaan Tempatan menjalankan kerja-kerja membaikinya dan membekalkan lampu di jalan-jalan besar dan di kampung-kampung. Pada masa ini Jabatan Kerja Raya adalah menjadi road authority. Kerajaan Pusat hendaklah memberi sabsidi yang lebih kalau boleh dollar-to-dollar di atas rancangan perumahan di kawasan-kawasan luar bandar. Kerajaan Tempatan ada memiliki banyak

tanah tetapi kekurangan wang untuk menjayakan rancangan perumahan khas yang murah-murah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.06 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memandang kepada saya.

Saya juga turut mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya tidak hendak mengambil masa yang panjang hanya ada dua tiga perkara sahaja. Saya telah mendengar keterangan, ucapan atau hujah-hujah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan ini dan sangatlah menyedihkan di dalam Rang Undang-undang ini. Saya percaya tujuan Kerajaan membuat Rang Undang-undang ini ialah supaya rakyat yang ada di luar bandar mendapat kemewahan, kemudahan atau kesenangan tetapi dalam pada itu juga ada yang tidak sesuai bagi pihak rakyat yang di luar bandar. Saya memandang kepada Rang Undang-undang ini patutlah kita menyelidiki dengan sebaik-baiknya akan dipinda apa yang tidak sesuai bagi rakyat. Saudara saya Dr Lim Keng Yaik menyatakan beliau tidak berkehendakkan kepada orang-orang parti atau orang-orang politik atau sesiapa untuk dilantik. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan apabila membuat lantikan itu jangan hirau sesiapa sekalipun tetapi hendaklah dilantik betul-betul orang-orang yang berjiwa rakyat. Ini adalah undang-undang yang bersangkut dengan rakyat. Kalau Kerajaan beri peluang kepada Kerajaan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri, saya percaya Rang Undang-undang ini tidak boleh berjalan dengan sesuai dan licin. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh saudara saya tadi berkenaan keadaan di Pulau Pinang masih banyak lagi yang tidak memuaskan hati rakyat Pulau Pinang tetapi apakah kami hendak kata, mesti diterima sebab Kerajaan kami sendiri. Jadi, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan Rang Undang-undang ini sepatutnya dibuat dan dibaiki bagi meliputi rakyat yang ada di luar bandar.

Kalau tidak salah saya kelmarin ada salah seorang Ahli Yang Berhormat bercakap, sebab saya berada di luar, menyatakan kalau seseorang itu membuat bangunan tambahan kepada kedainya apabila disuruh runtuh tidak diruntuh, maka didenda dua kali ganda. Kalau ada begitu, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut sekali-kali. Dan lagi kalau seseorang itu membuat rumah di luar bandar, rumah itu sudah siap tetapi hendak mendapatkan nombor rumah itu sangatlah susah dan payah bagi orang di luar bandar. Kalau simiskin hendak membuat rumah dengan pelannya tetapi sekurang-kurangnya setahun pelan itu belum disiapkan dan mungkin boleh jadi dua tahun. Saya boleh bercakap begitu kerana salah seorang sahabat saya di Jalan Bayan Lepas ialah seorang perempuan. Sehingga saya pergi berjumpa sendiri meminta tolong seperti hendak menyembah, barulah peluang itu diberikan dengan lebih cepat. Tidakkah ini memberi kepayahan kepada rakyat? Kalau rakyat tidak kenal sesiapa yang hendak dituju, tempat yang hendak diminta itu, alangkah susahnya mereka itu.

Setakat inilah sahaja ulasan saya.

4.13 ptg.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan, 1975. Di samping itu saya hendak memberi sedikit pandangan atau teguran atas beberapa fasal di sini kerana Bil ini sangat luas dan saya cuma memberi pandangan kepada tiga atau empat fasal di sini.

Fasal 10 (3) berkaitan dengan Ahli Majlis (Councillors). Di sini saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan bahawa Kerajaan Tempatan sesungguhnya berkaitan istimewa dengan masaalah kesihatan, hal memperbaiki keadaan kesihatan (sanitation), kebersihan bandar, perumahan dan lain-lain kemudahan masyarakat. Oleh itu, saya bersetuju dengan Dr Lim yang berkata permainan politik di Kerajaan Tempatan patutlah tidak sesuai dan patut tidak digalakkan. Perlantikan Ahli Majlis oleh Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dijalankan dengan kajian yang teliti, bijaksana dan adil antara orang-orang dari semua kaum yang biasanya bermastautin dalam kawasan pihak berkuasa itu dan juga orang-orang yang mempunyai pengalaman dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan. Orang-orang yang memperolehi kejayaan terpuji dalam satu profession perdagangan atau perindastrian dan juga orang-orang yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum

mereka sebagai lapisan rakyat (all walks of life) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Sebenarnya, Ahli Majlis yang dilantik mestilah orang-orang yang jujur dan ikhlas, yang bertanggungjawab dan bukan orang-orang yang kaya yang mempengaruhi yang berpusat kepada diri sendiri sahaja.

Berkenaan dengan Fasal 17 (1) berkaitan Tatatertib bagi pegawai-pegawainya. Fasal ini sangat penting untuk m engekalkan kelakuan baik dan tatatertib antara pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja di Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang dimaklumkan banyak Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan sekarang tidak ada menjalankan kuasa. Tidak ada jawatankuasa atau lain-lain untuk mengawal tatatertib atas tugas-tugas pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja mengakibatkan kekotoran dan keadaan yang tidak sihat di beberapa kawasan-kawasan bandar dan Majlis Tempatan, kerana di situ sampah tidak dibuang sehari-hari dan juga longkang dan jalan tidak disapu dan dibersihkan khasnya pada hari kelepasan (public holiday). Keadaan kekotoran ini sentiasa berlaku dan tidak dapat dikawal. Saya harap dengan adanya Bil ini, undang-undang ini boleh dijalankan dan diimplementasi dengan ketat dan lebih berkesan lagi.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, Clause 78 is in regard to the question of overcrowding of houses. Here I notice that Clause 78 states as follows:

> "Any person who permits a house to be so over-crowded as to be injurious or dangerous to the health of the inhabitants shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment . . ." and so on.

Then in Clause 79, the definition of "overcrowding" is stated:

> "For the purpose of this Act a house shall be deemed to be so overcrowded as to be dangerous or prejudicial to the health of the inhabitants thereof if it or any room therein is found to be inhabited in excess of the proportion of one adult to every three hundred and fifty cubic feet of clear internal space, and . . . . ."

Tuan Yang di-Pertua, I think if this Bill is strictly implemented, I am sure there will be mass arrests, for example, in Chinatown, Kuala Lumpur. I know this Bill is drafted with a good intention and is aimed at a high standard. But I want to check up one point and I want to ask the Minister to make sure that the space of 350 cubic feet for one adult or the same for two minor children is correct. I mean this standard may be a bit high.

Judging by the local conditions here, the overcrowding and also the shortage of houses, I think if this Bill is passed and we are going to observe it and put it in practice, I am sure if you go to Chinatown or for that matter any town, you will see a lot of cubicles with many people staying in one cubicle—3,500 c.c. with so many people, not one person.

Seorang Ahli Yang Berhormat: 350!

Dr Lim Ah Sitt: 350—I am sorry. So I would like a clarification from the Minister on this. Also, when this Bill becomes law, it should be very carefully implemented because if it is passed, any health officer or whoever is the person in authority can go and get these people arrested.

I would also like to point out Clause 74—Filthy house, etc., in which it is stated:

> "Any owner, occupier or tenant or any house, building or land, whether tenantable or otherwise, who suffers the same or any part thereof to be in a filthy and unwholesome state or overgrown with rank or noisome vegetation, shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment . . . . ."

Here again, I would like the Minister to clarify—I cannot understand myself the phrase "overgrown with rank or noisome vegetation"—what exactly is meant by that. Again, this is quite a strict Clause. On the degree of filthiness, how do you define the degree of filthiness? How can you tell whether it is filthy enough to be guilty? That, I think, is a matter which should have a guideline, otherwise some misuse of power will put a lot of people into a lot of difficulties.

Tuan Yang di-Pertua, this is all I have to say as I do not like to take up too much time.

4.24 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Saya ingin menyentuh dua bahagian daripada Rang Undang-undang ini iaitu Bahagian VIII dan Bahagian IX. Dalam Bahagian VIII iaitu pencemaran anak sungai dan seterusnya, saya suka mengemukakan beberapa perkara iaitu pertamanya kita tahu dalam proses kemajuan mana-mana kawasan sekalipun terutama di kawasan bandar, pencemaran adalah satu cause yang tinggi yang harus kita hadapi dan cause ini semakin meningkat saya rasa semakin besar penduduk di satu-satu tempat dan sempitnya tempat-tempat lapang yang masih ada. Mengenai pencemaran tadi kita dapati dalam Rang Undang-undang ini dikenakan penalti-penalti ke atas kilang-kilang dan seterusnya yang mengeluarkan debu, sampah cecair, sampah pepejal dan seterusnya ke dalam parit, sungai dan akan menjejaskan kesihatan dan juga keselesaan. Saya berasa selain daripada mengenakan penalti harus juga pihak berkuasa tempatan ini menjalankan dua perkara iaitu, pertama mereka harus mensyaratkan semua kilang-kilang ataupun mana-mana juga tempatan yang mengeluarkan barang pengeluaran iaitu faktori tempat-tempat dobi dan sebagainya yunit production tadi, mengenakan syarat kepada tempat-tempat ini supaya mereka melengkapkan dengan alat-alat yang boleh menahan daripada kekotoran ini dikeluarkan. Misalnya, ada faktori-faktori yang boleh dilengkapkan dengan alat-alat supaya asapnya dapat dikawal ataupun supaya debu tadi diresapkan kepada satu saluran ataupun sabun dan sebagainya ditukar bentuk supaya tidak mengalir ke dalam sungai yang berdekatan. Ini boleh disyaratkan dengan alat-alat (equipment) seperti dobi misalnya dilengkapkan supaya ada alat-alat yang boleh menahan racun dari sabun tidak mengalir ke dalam parit-parit yang dekat.

Kedua, boleh juga disyaratkan supaya kilang-kilang atau tempat pengeluaran ini membuat caruman tertentu kepada satu tabung di Pihak Penguasa Tempatan supaya tabung itu dianggap sebagai tabung pemulihan iaitu kita tahu banyak daripada anak-anak sungai kita di kawasan-kawasan bandar terutamanya tidak berupa anak sungai lagi, terlalu kotor, terlalu musnah air dan isinya, maka pemulihan harus berlaku dan pemulihan ini tidaklah semata-mata harus tanggungjawab Kerajaan Tempatan, harus juga tanggungjawab itu pergi kepada orang-orang yang telah mencemarkan anak-anak sungai dan parit ini. Maka harus difikirkan juga supaya orang itu bertanggungjawab, mereka yang telah mencemarkan bertanggungjawab juga dalam usaha pemulihan dengan mencarum kepada tabung Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemulihan.

Ketiga, juga saya mencadangkan di tempat-tempat yang boleh dibuat demikian di mana wangnya ada, apa yang kita panggil public incinerator ataupun tempat memusnahkan sampah awam, diadakan. Kita tahu sekarang ini di pekan-pekan misalnya sampah memanglah dikutip dengan begitu cekap (efficient) tetapi sampah itu dibuang semula ke tempat yang tidak jauh daripada bandar itu juga dan kita tahu membuang sampah daripada satu tempat ke satu tempat lain tidak ada makna, mengotorkan tempat baru. Mengapa tidak diadakan incinerator system, bukan sahaja untuk membakar sampah tetapi memusnahkan sampah supaya tidak lagi ujud debu-debu ataupun ujud cecair dan residual supaya tidak ujud benda-benda untuk mencemarkan kesihatan dan udara. Jadi public incinerator system itu saya rasa sudah sampai masanya sekarang kita berbuat demikian, kerana semakin besar penduduk semakin banyak jumlah sampah sarap yang akan dikeluarkan.

Keempat, dalam Rang Undang-undang ini memang ada peruntukan di mana mengawasi kekotoran dikeluarkan oleh faktori dan sebagainya. Saya ingin mengsyorkan apabila pemeriksaan dilakukan oleh pihak berkuasa janganlah dilakukan pemeriksaan semata-mata di siang hari kerana misalnya di Petaling Jaya saya perhatikan kekotoran yang berlaku itu bukan dibuat siang hari, yang nyata sekali ialah di sebelah malam, kalau hendak menengok asap dan debu yang beracun keluar banyak ialah di tengah malam. Sedangkan Petaling Jaya itu satu kawasan residential yang begitu padat, maka kalau pemeriksaan malam hari dapat dilakukan dan ditangkap orang yang berkenaan kerana pengotoran dan pencemaran berlaku

pada masa itu, maka saya rasa lebih berkesan. Siang hari mereka sangat berusaha untuk mengurangkan kecemaran tetapi bila malam hari dibiarkan sahaja.

Kelima, kita dapati dalam kawasan-kawasan bandar terutamanya masih ada lagi tempat-tempat awam, terutama tempat-tempat yang belum dimajukan misalnya belukar kecil yang masih kita tahu merupakan tempat-tempat punca atau sumber kekotoran umum. Dan di sini saya rasa sampailah masanya Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan merupakan tauladan baik kepada penduduk di kawasan itu. Sekarang ini penduduknya berusaha untuk mengelakkan daripada pembiakan lalat, nyamuk dan sebagainya tetapi didapati tempat-tempat awam merupakan sumber pembiakan itu, air yang bertakung misalnya yang ditinggalkan oleh Jabatan yang menjalankan kerja tanah misalnya air bertakung ataupun sampah sarap dibuang oleh pihak tempatan itu sendiri. Untuk betul-betul mempastikan rakyat mematuhi undang-undang ini harus juga Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan tauladan dahulu.

Akhirnya, saya rasa Rang Undang-undang ini banyak peruntukan untuk menselesakan lagi kehidupan terutamanya kawasan-kawasan bandar besar dan bandar kecil, tetapi saya rasa Rang Undang-undang ini sangatlah bergantung implementasinya kepada keteguhan peribadi (integrity) mereka yang akan menjalankan kerja, mereka yang akan menjalankan kuatkuasa di bawah Rang Undang-undang ini.

Kita tahu misalnya, ada di setengah-setengah kawasan di mana diskriminasi berlaku mengenai implementasi undang-undang ini iaitu pilih kasih di mana ada sektor itu boleh dilonggarkan undang-undang ini, dan ada sektor yang lain pula undang-undang itu betul tepat dan ketat. Saya harap integrity dan keteguhan peribadi pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan haruslah tinggi supaya dapat dielakkan bukan sahaja diskriminasi yang saya sebutkan tadi, tetapi dielakkan penyelewengan Rang Undang-undang tadi, kerana kita tahu ada daripada peruntukan-peruntukan ini tidak begitu tepat dapat ditafsirkan atau diiktirafkan oleh pegawai-pegawainya. Jadi mungkin ini boleh menjadi satu kelonggaran yang akan berbentuk penyelewengan implementasi kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.31 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi sesudah menyokong, saya hendak bercakap sedikit sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Local Council ini adalah dibawa oleh penjajah Inggeris dahulu ke negeri kita. Orang-orang Inggeris memperkenalkan Local Council ini bukan sepertimana yang dijalankan oleh mereka di England. Apa yang dijalankan oleh penjajah di England, jika dibandingkan dengan Local Council di sini, berbeza sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah pandai berkenaan dengan Local Government ini. Tetapi pada masa saya berkhidmat dengan Kerajaan dahulu saya pernah dihantar untuk mengikuti kursus di District Rural Council, di Easington dan di satu tempat lagi iaitu di Peter Lee New Town. Di sana saya belajar serba sedikit berkenaan dengan Local Government. Local Government di sana adalah berlainan sangat dengan apa yang kita jalankan di negeri kita ini. Cara perjalanan Local Council kita di negeri ini adalah setengah masak.

Dahulu selepas kita mencapai kemerdekaan, kita fikir mengadakan pilihanraya (election) untuk Local Council di sana-sini. Apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Senator Dr Lim tadi adalah benar iaitu orang yang tidak boleh menulis dan membaca pun dilantik menjadi Councillor juga. Jadi, macam mana orang-orang yang begini boleh memerintah satu-satu Local Council Area terutama sekali di kampung-kampung baru, maka kacau-bilau berlaku di Local Council Area oleh kerana kita fikir, kita hendak amalkan demokrasi. Kita sama-sama tahu sesudah itu didapati oleh Kerajaan bahawa Local Council cara begini adalah tidak sesuai

dengan apa yang kita fikirkan maka dengan sebab itulah dikaji balik dan yang kita dapati ialah Rang Undang-undang ini.

Kalau kita tengok Local Government di England ada mempunyai Clerk of the Council. Kalau di District, Rural Councilnya ada mempunyai Clerk of the Councilnya sendiri. Pada masa itu saya fikir Clerk of the Council ini adalah kerani sahaja tetapi sebenarnya ialah Setiausaha (Secretary) kepada District Rural Council ini.

Di negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menubuhkan Local Government barangkali dengan mengamalkan setengah daripada sistem penjajah, manakala yang lainnya kita buat secara kita. Katakanlah dalam satu Negeri (State) ada Menteri Besar dan di bawah Menteri Besar ada satu Pegawai Kanan yang dinamakan State Secretary (Setiausaha Kerajaan). Di daerah kita ada District Officer (Pegawai Daerah) dan dia juga menjadi Chairman atau Pengerusi Town Board.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau satu-satu Negeri atau State, di negeri lain dinamakan County, tetapi di sini dinamakan State oleh kerana kita mempunyai banyak State, kita dapati sudah lain sangat daripada State ke District, kalau State ada Menteri Besar dan ada State Secretarynya; di Daerah Tuan Yang di-Pertua, ada District Officer iaitu orang yang memegang authority yang sebesar-besarnya dalam satu daerah itu. Dia juga menjadi Chairman Town Board dan juga menjadi chairman itu dan ini. Tidak payah dipilih oleh orang ramai. Dia dilantik oleh Kerajaan duduk dalam Town Board dan dia mempunyai kuasa yang sebesar-besarnya. Dia ada veto power dalam segala-galanya. Kita hendak mengamalkan demokrasi. Sungguhpun kita tidak mengadakan pilihanraya di Local Council, tetapi suara rakyat mesti didengar. Local Councillors atau Town Councillors dilantik oleh Kerajaan. Saya juga menjadi Town Councillor di Petaling Jaya, dan saya tahu perkara ini. Apa yang kita cakap dan apa yang kita buat, tidak berkesan sebab pegawai itu adalah Pegawai Kerajaan, dia berfikir duduk di situ selama tiga tahun selepas itu dia akan pergi ke tempat lain, kemudian orang lain akan datang. Saya bukan mengata pegawai Kerajaan. Dia hendaklah dijadikan sebagai Clerk of the Council atau District Secretary walaupun dia M.C.S. Kerajaan akan melantik Chairman atau Pengerusi orang yang ada di dalam kawasan itu yang mengerti kedudukan kawasan itu seperti Menteri Besar di bawahnya ada State Secretary yang akan menjalankan tugas hari-hari, tetapi Pengerusi ini pada masa mesyuarat dia akan datang. Jadi kalau dengan cara begini demokrasi dapat berjalan. Kalau tidak dibuatlah undang-undang yang lebih kurang serupa sahaja dengan bye-laws Town Board. The power (kuasa) itulah yang dikehendaki yang datangnya daripada orang yang dilantik oleh Kerajaan supaya kita boleh menjalankan tugas-tugas kita sebagai orang tempatan. Ini yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun sebeban undang-undang, misalnya, dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan, tetapi jikalau diletakkan seorang pegawai menjadi Pengerusi Local Authority tidak boleh, tetapi dilantik orang tempatan menjadi Pengerusi, saya fikir itu baru betul.

Tuan Yang di-Pertua, di Petaling Jaya misalnya, assessment rate baru-baru ini telah dinaikkan. Apa yang dikatakan oleh seorang sahabat saya tadi setelah beberapa tahun dikaji semula sewa rumah itu. Ini berkenaan assessment rate di Petaling Jaya. Mengikut Perlembagaan kita ada Hak Istimewa Orang Melayu. Orang Melayu duduk di Petaling Jaya—ini bukan perkauman—tetapi mengikut Perlembagaan, sebab Perlembagaan mengatasi segala-galanya. Ini mestilah dikaji oleh Local Government.

Pada masa General Templer membuka Petaling Jaya, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kawasan yang diuntukkan untuk orang Melayu dan orang Melayu yang masuk di situ itu adalah orang yang miskin terdiri daripada kerani dan peon. Pada hari ini assessment rate dinaikkan daripada 8% ke 10%, kita tegur dalam Majlis Bandaran, mengatakan tidak boleh dinaikkan di kawasan ini, begitu juga orang China yang telah dilanyak oleh Templer dahulu telah dimasukkan ke dalam satu kawasan yang mana terdapat ramai orang China yang miskin, di kawasan itu juga jangan dinaikkan, tetapi mengikut kata Pengerusinya mesti naik kerana Kerajaan suruh naikkan.

Apabila diadakan pilihanraya, Tuan Yang di-Pertua, banyak janji yang dibuat kepada orang miskin. Orang-orang China yang miskin itu juga minta jangan dinaikkan

assessment rate ini. Begitu juga orang-orang Melayu di kawasan itu. Ada kawasan yang boleh dinaikkan dan ada kawasan yang tidak boleh dinaikkan, kawasan yang lain itu naikkanlah seberapa banyak. Local Councillors tidak bercakap oleh kerana lain tahun hendak jadi Councillor lagi, mereka takut, kalau namanya tidak dihantar kepada Setiausaha Kerajaan. Kalau begitu adalah karut, sebab kita hendak mempertahankan hak-hak orang ramai dan mempertahankan hak-hak orang miskin, tetapi diletakkan orang-orang yang hendak dipilih berterusan. Oleh itu Local Councillor ini mestilah dipilih betul-betul; orang yang bukan kerana hendak duduk di situ selama dua tiga tahun. Pada masa dahulu adalah setahun, tetapi sekarang ini saya rasa oleh kerana kalau setahun itu tidak dapat dia berkhidmat lama, dengan sebab itu pada hari ini dipinda menjadi tiga tahun seperti tersebut di dalam Seksyen 10 (4) dalam Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta di dalam Local Council seperti Bandaraya Ibukota Kuala Lumpur, barangkali saudara-saudara saya akan menyokong apa yang saya akan cakap ini, ada vote yang diberi oleh Kerajaan, kerana Local Authority itu tugasnya buat jalan, longkang, pasar kecil dan untuk membakar sampah hari-hari itu sahaja daripada dahulu sampai sekarang saya fikir mereka muak dan rakyat juga naik muak. Memang betul untuk kebersihan. Kita telah mencapai kemerdekaan selama 20 tahun, negeri ini kaya-raya, seluruh dunia tahu kaya-raya dengan bijih timah, getah dan kepala sawit. Sekarang ini minyak telah banyak didapati. Apa yang diminta kepada Kerajaan tiap-tiap Local Council ada vote membuat rumah-rumah untuk orang miskin dan rumah-rumah untuk lower income group. Di Petaling Jaya satu pun tidak ada. Apa yang dibuat? Office besar, hendakkan prestige: hall besar, panggung wayang besar, tetapi si miskin bagaimana? Sebuah rumah pun tidak dibina oleh Town Board Petaling Jaya. Katanya, tidak boleh, kerana dalam Town Board By-laws kita tidak ada mengatakan untuk membuat rumah—tidak boleh nanti Setiausaha Kerajaan marah.

Tuan Yang di-Pertua, di Petaling Jaya ini, saya mengaku, misalnya ada berlebihan wang sampai $6 juta di simpan dalam bank. Wang sebanyak $6 juta ini hendaklah digunakan dengan secara baik untuk keelokkan orang ramai. Kemudian dinaikkan lagi assessment. Jadi rakyat pada hari ini rasa terok sangat, bukan sahaja tekanan inflasi tetapi juga cukai dan assessment di Petaling Jaya dinaikkan. Assessment sekarang pun sudah cukup dan dinaikkan lagi. Rasa saya, kalau dinaikkan di tempat-tempat lain, mana yang kurang itu dinaikkan tak mengapalah. Ini saya minta kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk menengokkan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 10(8) iaitu apabila sesuatu perkara itu hendak dibuat dengan cara undi, mengikut Seksyen 10 (8) ini, maka sesiapa yang banyak suara maka dialah yang menang. Tetapi kalau mengikut Seksyen 26, Chairman pula ada authority lagi melapurkan kepada State Secretary untuk mendapatkan kelulusan kelak. Di sini ada pertelingkahan di mana saya tidak mengerti di bawah Seksyen 26 dan juga Seksyen 10(8). Seksyen 26 mengatakan, kalau sesiapa yang lebih suara di dalam sesuatu mesyuarat itu maka perkara itu akan menang kalau di bawah Seksyen 10 (8) pula berlainan sedikit.

Itulah sahaja teguran saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya dengan sepenuh-penuhnya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sebagaimana saudara-saudara saya yang telah terdahulu bercakap. Setelah saya menyokong Rang Undang-undang ini, sukalah saya menarik perhatian pihak Kerajaan dalam beberapa masaalah. Pertama pihak yang berkuasa tempatan ini samada Majlis ataupun Lem-tempatan ini samada Majlis ataupun Lembaga Bandaran ataupun Majlis-majlis Tempatan ataupun Majlis-majlis Daerah atau Lembaga Daerah semuanya ini adalah sebagai sebuah badan yang berkuasa yang mana kalau di kira dari segi kedudukannya ialah peringkat yang ketiga dalam Kerajaan Malaysia kita ini iaitu yang pertama Kerajaan Persekutuan, yang kedua Kerajaan Negeri dan Badan-badan Pihak Berkuasa Tempatan ini disifatkan sebagai pihak yang ketiga.

Masaalah yang pertama yang saya hendak bangkitkan di sini ialah masaalah kerjasama. Pada semangatnya, Rang Undang-undang ini menghendaki supaya kerjasama semua pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan juga Pihak yang Berkuasa Tempatan itu berada berjalan seiringan supaya faedah-faedahnya boleh didapati untuk kepentingan umum. Saya suka hendak membangkitkan perkara yang selalu berlaku walaupun pegawai-pegawai pernah dilantik menjadi Ahli Majlis itu oleh Pihak Yang Berkuasa sebelum ini ataupun selepas ini sebahagian daripada Ahli-ahli itu daripada Pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab bagi jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perancang Bandar dan sebagainya menduduki dalam Majlis itu sebagai Ahli yang rasmi tetapi pernah berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang lepas ada setengah-setengah pihak tidak dapat memberikan kerjasama sebaik-baiknya di antara satu jabatan dengan jabatan yang berkenaan.

Misalnya soal pembinaan jalanraya dalam kawasan bandaran ataupun Majlis Tempatan, pihak Jabatan Kerja Raya (J.K.R.) bertanggungjawab dalam membina jalanraya manakala parit bagi jalan itu selalu menjadi pertelingkahan di setengah-setengah tempat Jabatan Kerja Raya mengambil tanggungjawab ini bersama dengan pembinaan jalan itu, tetapi di setengah-setengah tempat tanggungjawab ini ditinggalkan. Ada kalanya diletakkan kepada Lembaga Bandaran sendiri sedangkan Lembaga Bandaran sendiri mempunyai pegawai-pegawai dan juga kemudahan-kemudahan yang terbatas yang mana pada umumnya, kalau dikaji dari satu segi memang benarlah tugas ini perlu diletakkan kepada Jabatan Parit dan Taliair dengan tujuan supaya system drainage untuk kepentingan orang ramai dalam kawasan bandaran itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan kerjasama Jabatan Parit dan Taliair. Tetapi oleh kerana ada setengah-setengah tempat mungkin tidak berpunca daripada pertelingkahan tetapi berpunca daripada sesuatu pihak ataupun jabatan yang berkenaan itu hendak mengurangkan tanggungan perbelanjaannya bagi jabatan masing-masing saling mengecualikan daripada tugas masing-masing. Akibatnya Lembaga Bandaran atau Majlis Bandaran itu terdedah kepada ancaman drainage yang tidak betul dan orang ramai akan menerima akibatnya. Dengan sebab itu saya suka menarik perhatian supaya pihak yang berkenaan, terutama Yang Berhormat Menteri kita yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan aktiviti Kerajaan Tempatan seluruh Malaysia ini dapat mencari ikhtiar supaya Jabatan-jabatan kita ini jangan semata-mata bertujuan hendak mengelakkan perbelanjaan yang banyak, maka tiap-tiap Jabatan itu cuba mengelakkan diri daripada tanggungjawab ini.

Selain daripada itu, saya masih sangsi dengan kemampuan Lembaga-lembaga Bandaran ataupun Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan tentang tanggungjawab badan itu dalam masaalah pembinaan dan juga jagaan (maintenance) jalan-jalan dalam kawasan mereka. Sebab kita tahu dalam kawasan Lembaga Bandaran atau Jabatan kita dapati tiga jenis jalanraya yang dipertanggungjawabkan kepada tiga pihak yang berkuasa. Pertama, jalan federal tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Jalan negeri tanggungjawab Kerajaan Negeri. Selain daripada jalan-jalan daripada dua jenis jalan tadi adalah diletakkan tugas dan tanggungjawabnya 100% kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu termasuklah jalanraya di depan belakang (back lane) semuanya diletakkan di bawah tanggungjawab dengan diadakan peruntukan-peruntukan yang tidak tetap dan tidak semesti. Saya suka mengesyorkan kalau pihak Kementerian dalam menyelaraskan perlaksanaan-perlaksanaan ini dapat mengadakan suatu peruntukan. Kalau kita sekarang ini boleh mengenali Kerajaan Persekutuan mengadakan state road grant, peruntukan jalanraya bagi jalan-jalan negeri kepada Kerajaan Negeri, maka patut juga Kerajaan Persekutuan, saya nyatakan patut juga Kerajaan Persekutuan kita jangan bebankan kepada Kerajaan Negeri untuk menanggung tanggungjawab jalan-jalan ini, sebab kita tahu Kerajaan Negeri memang terutama sekali di Pantai Timur kewangannya terlampau meleset sekali dan kalau kita banding dengan hasil pendapatan cukai-cukai jalanraya dan sebagainya memang banyak dipungut oleh Kerajaan Persekutuan. Amat munasabah sekali, kalau tanggungjawab ini jangan letakkan kepada Kerajaan Negeri masing-masing, bahkan diletakkan kepada Kerajaan Persekutuan menanggung, membiayai secara road grant untuk Pihak-pihak yang berkuasa itu.

Selain daripada pembinaan jalan ini, pembinaan parit untuk menyelaraskan, melicinkan aliran saluran air dan mengelakkan daripada penduduk-penduduk bandar itu ditenggelami air seperti kita dapati di bandar Kota Bharu misalnya, kalau hujan sehari dua sudah cukup penduduk-penduduk di beberapa kawasan yang tertentu mengalami akibah, bukan sahaja mereka susah hendak berjalan ke sana kemari, kenderaan pun tidak dapat masuk ke rumah, tetapi binatang ternakan yang menumpang kesihan belas manusia dalam kawasan itupun habis tenggelami air dan musnah. Tanggungjawab masaalah pembinaan parit juga sepatutnya diadakan peruntukan khas dalam masaalah ini dan kerjasama yang kita maksudkan tadi, bukan sahaja diletakkan kepada Kerajaan Negeri, tetapi juga kepada Kerajaan Persekutuan menanggung masaalah ini. Dan kalau dapat rancangan-rancangan yang besar seperti drainage system dalam bandar-bandar hendaklah diambil tanggungjawab oleh Jabatan Parit dan Taliair bukan sahaja diletakkan tanggungjawab kepada pihak yang berkuasa itu. Jadi, apabila kita meletakkan tanggungjawab kepada Jabatan Parit yang mempunyai Jabatan langsung perhubungannya dengan Kerajaan Persekutuan, maka amat senang sekali dari segi kerjasama, bukan masaalah dari segi kewangan sebab dari segi kewangan itu memang bergantung kepada kedudukan kewangan negara kita, tetapi amat senang saya kata kerjasama yang kita kehendaki daripada pakar-pakar, ahli-ahli teknisyen untuk melaksanakan projek ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya dan dalam masa yang sesingkat-singkatnya setelah peruntukan didapati. Tetapi kalau kita bebankan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan kita menyerahkan tugas-tugas ini kepada mereka tanpa kita mengambil tugas dan tanggungjawab seperti apa yang saya sarankan tadi, maka akan berlakulah kekecuhan seperti apa yang saya ceritakan sebelum ini.

Tuan Yang di Pertua, masaalah yang kita hadapi bukan sahaja masaalah kewangan tetapi masaalah kerjasama semua Jabatan. Ini adalah menjadi punca kejayaan bagi sesuatu Lembaga Bandaran ataupun pihak Berkuasa Tempatan. Kalau tidak ada kerjasama wang dicurahkan seberapa banyak kerja itu akan terbengkalai, tetapi kalau kerjasama dapat diatur dengan sebaik-baiknya dan disusun dengan sebetul-betulnya kewangan yang sedikit boleh melaksanakan projek yang mendatangkan hasil yang memuaskan untuk faedah orang ramai.

Itulah sedikit pandangan saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini.

5.37 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kebenaran yang diberi untuk saya turut serta di dalam bahasan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan ini.

Saya bangun di sini untuk menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya ingin menyentuhkan satu atau dua perkara di dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama, dalam Bahagian V iaitu loan membuat rumah untuk orang-orang miskin. Kerajaan selama ini melaksanakan rancangan rumah murah adalah bertujuan supaya menjamin setiap rakyat mempunyai tempat kediaman diri mereka sendiri. Akan tetapi, hingga hari ini jarak antara keadaan yang sebenarnya dengan idaman Kerajaan masih merupakan seperti langit dengan bumi jauhnya. Cubalah lihat bahawa beberapa banyak rumah murah masih diperolehi atau disewa semula kepada golongan yang bekereta. Manakala kaum miskin yang serba kekurangan terus dalam keadaan yang keciwa sahaja. Keadaan kurang sihat ini, kekurangan terus adalah disebabkan oleh kesilapan pihak yang berkenaan dalam usaha memberikan rumah murah atau kesalahan teknikal yang timbul; hinggakan tidak kurangnya rumah-rumah murah itu terlepas ke dalam tangan golongan-golongan yang mampu membeli rumah atau golongan yang telah beroleh rumah. Dalam keadaan kekurangan rumah ini orang-orang yang berpeluang mendapat rumah dengan menjualnya pun terpaksalah dijual semula atau disewa semula kepada orang lain dengan tujuan mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diketahui bahawa perbelanjaan Kerajaan membina rumah-rumah adalah diambil dari cukai ke atas rakyat jelata akan tetapi malangnya golongan yang mempunyai kekayaan itu menggunakan peluang ini untuk mencapai keuntungan diri mereka sendiri bukan sahaja merampas peluang orang miskin untuk memperolehi rumah bahkan

juga mengeksploit golongan yang tidak berada yang telah menyelewengkan dasar Kerajaan untuk memberi lebih banyak tempat kediaman kepada rakyat jelata. Keadaan abnormal ini berlaku kerana Kerajaan atau pihak yang berkenaan masa menguruskan permohonan rumah mengambil sikap yang kurang ketat dan cuma berdasarkan kepada penerangan dalam borang permintaan tanpa mengadakan siasatan yang teliti terhadap latar belakang para pemohon itu. Oleh yang demikian, ramai orang yang telah mempunyai rumah dengan bergolok bergadai untuk mendapatkan rumah murah lagi supaya mendapat keuntungan, manakala golongan yang benar-benar memerlukan rumah terpaksa menunggu-nunggu atau turut dalam keadaan tanpa pertolongan sahaja. Keadaan ini telah membuktikan kecacatan dalam usaha membahagikan rumah murah. Kalau sekiranya Kerajaan tidak membaiki keadaan yang kurang sihat ini dengan serta merta, dan dibiarkan keadaan ini berlanjutan begitu sahaja, maka peluang untuk menikmati rumah murah tidak akan jatuh ke dalam tangan golongan yang tidak berada, melainkan jatuh ke dalam tangan golongan yang berada sahaja. Dengan demikian, masyarakat yang telah menjadi kaya tetap kaya dan yang miskin lebih miskin lagi. Dan keadaan ini adalah menyeleweng dari daya usaha Kerajaan untuk menghapuskan jurang antara kaum yang berada dengan yang tidak berada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui apa yang dikatakan rumah murah adalah bangunan yang dibina khasnya untuk golongan yang berpendapatan kecil dan sekali-kali bukan merupakan alat untuk golongan yang tidak diingini memperolehi keuntungan. Maka saya berharap supaya Kerajaan apabila menguruskan permohonan rumah murah ini akan lebih berwaspada serta dengan seberapa boleh mengurangkan harga atau sewanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua dalam Bahagian 13, penalti melanggar undang-undang kecil. Tuan Yang di-Pertua, masaalah kekurangan rumah merupakan masaalah yang teruk dalam masyarakat kita samada di kawasan luar bandar atau bandar yang lebih menghairankan ialah didapati golongan pembinaan rumah yang tidak diingini dengan terang-terang membina rumah haram di tanah Kerajaan atau tanah swasta untuk dijual kepada rakyat jelata dengan cara tipu helah. Golongan pembina rumah haram telah menjadi satu masaalah sosial yang berlainan kesalahannya daripada kesalahan jenayah menjual barang-barang palsu atau tiruan kerana golongan ini terpaksa memakan masa yang agak panjang untuk menjalankan proses pembinaan rumahnya baru dapat dijualkan. Pertama, mereka hendaklah membersihkan tanah itu baru mula dibina, akan tetapi sebagai Kerajaan Tempatan yang mengawal soal tanah dan pembinaan rumah tetap tidak sedarkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu perkara yang anih dan lagi ajaib. Kerajaan Tempatan mempunyai kuasa mengawal soal tanah dan pembinaan rumah sedangkan pihak Polis juga mempunyai Bahagian Siasatan Jenayah Perniagaan. Kalau kedua-dua pihak itu telah tersilap menjalankan tugas mereka, maka boleh dianggap bahawa Kerajaan dengan cara langsung menggalakkan golongan yang tidak diingini ini terus bersubahat dengan pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap golongan pembina rumah haram yang tidak diingini supaya rakyat tanpa dosa dan kesalahan tidak diperdayakan.

5.45 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Di samping itu sukalah saya menarik perhatian berkenaan dengan beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini iaitu sebagaimana yang kita sama-sama tahu bahawa Majlis Bandaran atau Lembaga Bandaran ini ialah mengalami perubahan-perubahan daripada satu masa ke satu masa yang mana pada masa dahulu dikatakan Lembaga Bandaran di dalam negeri Perlis yang mana dikuasai oleh Kerajaan Negeri, kemudian pindah kepada Majlis Bandaran yang mana dikuasai dengan pemilihan daripada orang ramai dan pada hari ini membawalah kepada Kerajaan Tempatan pula. Maka dengan perubahan Rang Undang-undang ini, kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri yang berkenaan, kerana kita tahu di dalam masaalah Majlis Bandaran ini banyak masaalah yang berbangkit terutama sekali di dalam perjalanan Majlis Bandaran pada masa dahulu, terutama sekali kedudukannya berkenaan dengan kewangan boleh dikatakan majlis bandaran ini tidak dapat berjalan

dengan betul ataupun tempang berkenaan dengan kedudukan kewangannya tidak begitu memuaskan.

Sebagaimana yang saya dapat tahu dalam soal ini sedikit-sebanyak yang mana pada masa dahulu iaitu semasa Lembaga Bandaran dalam 13 tahun dahulu dan di bawah Kerajaan Negeri banyak boleh dikatakan hutang-hutang yang tidak dapat dikutip dan tidak dapat dijalankan beberapa projek bersangkutan dengan menjaga Majlis Bandaran ini. Pada masa ini pula boleh dikatakan yang tidak dapat dijalankan terutama di Negeri Perlis berkenaan dengan kewangan ini di dalam Majlis Bandaran, Kerajaan Negeri telahpun terhutang lebih $100,000 berkenaan dengan hasil-hasil pintu rumah-rumah Kerajaan Negeri yang tidak dapat dibuatkan kerana maklumlah Kerajaan Negeri Perlis kekurangan kewangan.

Dalam soal ini, kita berharap dengan adanya Kerajaan Tempatan ini dapat memberi pertolongan kewangan terutama sekali kepada negeri-negeri yang mundur seumpama negeri Perlis ini dengan pertolongan ini dapatlah Kerajaan Tempatannya berjalan dengan lebih baik dan lancar pada masa yang akan datang. Selain daripada itu, kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan maka perkara ini juga dikehendaki kerana di dalam Majlis Bandaran ini telah diduduki pihak yang berkenaan iaitu daripada Jabatan Kerja Raya, Pemungut Hasil Tanah dan juga Pejabat Kesihatan yang ada bersama-sama. Setakat hari ini, saya tidak tahu lagi di tempat lain, tetapi di Negeri Perlis atas kerjasama itu kita dapat dengan baik, sehinggakan baru-baru ini boleh dikatakan kedudukan kewangannya hanya tidak dapat berjalan dengan begitu baik, tetapi dengan adanya pertolongan daripada jabatan-jabatan itu maka dapatlah juga berjalan seperti mana keadaan yang telah berlaku di dalam serangan daripada nyamuk-nyamuk aedes yang terjadi di negeri Perlis baru-baru ini. Maka Pejabat Kesihatan juga telah memberi banyak pertolongan dalam perkara ini. Kalau mengikut keadaan kewangan yang ada di Majlis Bandaran itu tentulah tidak dapat memberi pertolongan kepada rakyat untuk menghapuskan dalam perkara ini.

Di Negeri Perlis pada hari ini berkehendakkan sebagaimana negeri-negeri lain juga di atas pembangunan dan rumah-rumah pangsa yang ada cuma 4 tingkat dan mengikut keadaan hari ini ada juga ura-ura daripada swasta akan mendirikan rumah-rumah yang lebih tinggi tetapi malangnya di Negeri Perlis Perkhidmatan bombanya pun tidak begitu cukup, kerana kalau rumah-rumah yang didirikan lebih daripada 4 tingkat, maka pihak Majlis Bandaran tidaklah dapat menerima kerana keadaan kereta-kereta bomba yang ada di Negeri Perlis hanya dapat menolong rumah-rumah yang di bawah sahaja kerana tidak ada kereta-kereta bomba yang dapat menolong rumah-rumah yang tinggi. Dengan adanya Kerajaan Tempatan dan dengan adanya perkhidmatan bomba ini baru-baru ini telahpun diambil alih oleh pihak Kerajaan Pusat, maka kita berharap perkhidmatan kereta-kereta bomba sebagaimana yang saya sebutkan tadi dapat diberikan kepada Negeri Perlis dengan seberapa segera yang boleh. Mudah-mudahan apa yang dikehendaki oleh rakyat itu untuk mendirikan rumah-rumah sebagaimana keadaan negeri-negeri yang telah maju sebagaimana di Kuala Lumpur ini dapat mendirikan kita katakan sekurang-kurangnya 6 tingkat ataupun 10 tingkat rumah-rumah pangsa ini, maka tentulah berkehendakkan keadaan kedudukan perkhidmatan kereta bomba itu lebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keadaan yang dapat saya beri pandangan ialah berkenaan dengan mendirikan rumah-rumah di dalam kawasan Majlis Bandaran ini menjadikan selalu kelambatan yang tidak dapat disempurnakan oleh Majlis Bandaran ialah berkenaan dengan kedudukan tanah-tanah di dalam Majlis Bandaran yang merungkus-rungkus. Di dalam soal ini juga patutlah Kerajaan Tempatan ini mencari satu jalan bagaimana perkara ini dapat diatasi, kerana tiap-tiap pemohon yang akan mendirikan rumah ini terpaksalah minta tandatangan, seumpamanya, satu tanah itu dalam 2 atau 3 ekar tetapi namanya sampai 5 orang maka tidaklah dapat, kadang-kadangnya kalau kesemua daripada tuan-tuan tanah itu tidak menandatangani maka bagi satu orang itu tidaklah dapat mendirikan rumah mereka di atas tanah. Kadang-kadang menjadikan kesusahan bagi pihak seorang itu untuk mendirikan rumah kerana hendak mendapatkan orang yang lima itu, sebab salah seorang daripadanya berada di luar negeri ataupun setengahnya itu tidak tahu di mana dia duduk, kalau adek-beradek sendiri itu mudah sahaja untuk mendapatkannya tetapi kalau orang yang jauh maka susahlah mendapatkan

tandatangan itu, maka keadaannya akan menjadi susah kepada penduduk-penduduk itu untuk mendirikan rumah di dalam tanahnya sendiri. Dalam masaalah ini patutlah bagi pihak Kerajaan Tempatan pada masa yang akan datang mencari jalan supaya tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh rakyat kepada Majlis ini tidak akan berbangkit, kerana perkara ini bukan sahaja dituduhkan kepada Majlis Bandaran dan bukan sahaja Majlis Bandaran tidak dapat menyelesaikan masaalah ini bahkan orang yang ada bersama-sama di dalam Majlis Bandaran, iaitu sebagai Pesuruhjaya Tanah yang ada di dalam bersama-samanya pun tidak dapat menyelesaikan masaalah ini hanya diharapkan kepada Kerajaan sahajalah yang dapat menyelesaikan masaalah ini supaya memudahkan bagi pihak seorang itu mendirikan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya di dalam pertukaran-pertukaran yang sebegini tentulah ada pertukaran-pertukaran pemilihan ahli-ahli di dalam Majlis ini. Kita berharap pemilihan ahli-ahli ini hendaklah betul-betul ahli-ahli yang boleh memberi kerjasama dan berkhidmat yang tahu keadaan kedudukan di dalam Kerajaan Tempatan ini. Moga-moga dengan kerjasama yang sebegitu dan orang-orang yang betul faham dalam soal ini, maka dapatlah Majlis Tempatan ini berjalan dengan lebih baik pada masa yang akan datang.

5.56 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dengan seberapa ringkas sambil memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah begitu sabar telah mengadakan suruhanjaya mengutip suara penduduk-penduduk dalam Majlis Tempatan dalam negeri ini supaya dapat mewujudkan satu Rang Undang-undang yang boleh diselaraskan di seluruh negara dan ini satu perkara yang sangat cepat pada Kerajaan kalau dibiarkan Rang Undang-undang yang ada sekarang bertelingkah, saya khuatir bahawa Majlis-majlis Tempatan dalam negeri ini akan kucar-kacir dan bermusuhan antara rakyat dengan rakyat akan berlanjutan. Dengan keadaan ini dapat diselaraskan dan perkara-perkara itu dapat dibenamkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah Rang Undang-undang ini kalau hendak dibacakan satu-satunya panjang sangat, cuma saya menghargai dalam fasal-fasal yang tertentu iaitu mengadakan Akta Memperluaskan Kawasan-kawasan. Bila mana Kerajaan mengadakan Majlis Daerah diluaskan satu kawasan, kawasan yang saya maksud hendak diluaskan hendaklah berunsurkan kepada dasar ekonomi masyarakat baru Kerajaan, ertinya kita jangan hendaknya dalam Majlis Tempatan itu hanya terdiri daripada orang-orang China sahaja. Kalau diluaskan kelak hendaklah diadakan sebuah perkampungan orang-orang Melayu dan orang India. Dengan keadaan ini Rang Undang-undang ini menolong cadangan Kerajaan hendak mendirikan masyarakat yang baru. Walaupun pada awalnya barangkali sukar tetapi pada matlamatnya dari satu masa ke satu masa akan memberi faedah kepada negara kita. Bila mana Kerajaan mengadakan Majlis Daerah yang baru dari semasa ke semasa tentulah Kerajaan akan mengadakan bangunan-bangunan yang baru. Saya juga memberi ingatan kepada Kerajaan bangunan yang baru yang akan didirikan oleh Kerajaan dalam Majlis Daerah-daerah itu hendaklah berwatakkan Malaysia, jangan hendak adanya sebagaimana keadaan Majlis-majlis Tempatan yang ada sekarang kalau setengah kita beri di Majlis Tempatan kita tidak fikir Majlis Tempatan itu Malaysia punya, kita fikir Majlis Tempatan itu dipunyai oleh orang dari Hongkong sahaja. Dengan keadaan macam ini Rang Undang-undang ini boleh menolong pada satu masa yang akan datang. Kerajaan hendaklah mendirikan pekan-pekan, kedai-kedai dan rumah-rumah di bandar-bandar, daerah yang saya sebutkan tadi yang berwatakkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang diberi kuasa kepada Rang Undang-undang ini iaitu banyak Majlis Bandaran akan dinaikkan taraf Perbandaran. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa Majlis Bandaran Johor Bahru telah dinaikkan tarafnya menjadi Majlis Perbandaran. Ini sangat sesuai kerana Johor Bahru adalah negeri yang awal-awal sekali ditempuh oleh sesiapa yang hendak masuk ke Malaysia. Saya berharap Kerajaan

Pusat akan memberikan peruntukan yang banyak, subsidi yang banyak bila mana dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Johor atau Majlis Perbandaran ini, sebab banyak usaha-usaha yang hendak dibuat untuk menyesuaikan Majlis Perbendaharan Negeri Johor itu. Kalau tidak sama dengan Bandaraya Kuala Lumpur ini, bawah Bandaraya Kuala Lumpur ini dapat diwujudkan dan saya mengharapkan juga di Majlis Perbandaran Johor Bahru itu dapat dibentuk dengan watak-watak yang berwatakkan bangunan Malaysia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada kuasa kecil Majlis-majlis Daerah itu boleh meminjam wang dalam usaha hendak membuat bangunan, hendak membuat kedai, hendak mendirikan pasar, saya percaya bahawa dengan kuasa diberikan pinjaman ini Majlis-majlis Daerah itu akan membuatkan kedai yang begitu banyak dan usaha kedai yang begitu banyak juga Majlis Daerah ini akan dapat memberikan lesen yang lebih kepada bumiputra supaya dengan keadaan macam ini dapatlah diseimbangkan, dapatlah nikmat bumiputra itu dalam bandar-bandar baru yang dibentuk itu atas kuasa Rang Undang-undang ini kita dapat melihat bumiputra sama berniaga dengan masyarakat-masyarakat yang bukan Melayu. Kuasa ini patut diberikan keutamaan bilamana mengeluarkan lesen-lesen di kawasan-kawasan yang baru.

Satu perkara lagi mengenai masaalah Ahli-ahli Majlis Bandaran. Saya kurang arif dalam masaalah ini iaitu bilamana Majlis Bandaran atau Majlis Daerah telah diwujudkan dengan secara tidak langsung Ahli-ahli Majlis Tempatan yang ada itu habislah nafasnya, dan akan digantikan dengan Ahli-ahli Majlis Daerah baru. Bila hendak mengangkat Ahli-ahli Majlis Daerah baru itu menurut Rang Undang-undang ini boleh sampai 24 atau selebih-lebihnya 24 orang Ahli Majlis yang hendak diangkat itu dengan kuatkuasa Kerajaan Negeri. Saya sangat bersetuju memilih ahli Majlis ini dengan kuatkuasa Kerajaan Negeri, jangan kita adakan pilihanraya, sebab sekiranya diadakan melalui pilihanraya Ahli-ahli Majlis samada Majlis Bandaran atau Majlis Daerah, saya khuatir bahawa kekecuhan, persengkitaan kaum akan berleluasa dalam negeri dan pentadbiran Majlis ini tidak berjalan dengan begitu licin. Ada lebih sihat dan lebih molek kuatkuasa ini kita jalankan bahawa kuatkuasa Kerajaan Negeri boleh memilih Ahli-ahli Majlis itu, sebab Kerajaan Negeri yang memerintah dalam Malaysia ini telah diberi kuasa oleh rakyat pada memilih dan mentadbirkan Kerajaan, melalui kuatkuasa inilah saya fikir patut Kerajaan itu memilih orang-orang yang difikirkan layak, patut menjadi Ahli Majlis mentadbirkan Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Bandaran. Dengan keadaan yang macam ini, saya percaya bahawa kepentingan kebajikan penduduk-penduduk dalam Majlis Daerah dan Bandaran itu akan dapat dijalankan dengan lebih baik dari semasa ke semasa dan tujuan Rang Undang-undang ini akan dapatlah memberi faedah kepada keseluruhan rakyat yang ada terlibat dalam hal ini.

Yang saya musykil begini, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak Ahli Majlis Daerah atau Bandaran daripada orang yang umurnya kurang 21 tahun tetapi ia layak, bergaya, ada kelayakan dan boleh mempengaruhi penduduk-penduduk dalam tempatan itu, dia kurang umur 21 tahun, bolehkah tidak diangkat menjadi Ahli Majlis?

Yang kedua, bolehkah atau tidak Ahli-ahli Majlis itu daripada Ahli-ahli Dewan Negara atau Ahli-ahli Dewan Negeri diangkat. Ini satu perkara yang saya sangsikan, saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberikan jawapan sebab kalau peluang-peluang ini diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negeri maka saya fikir untuk sementara waktu Majlis-majlis Daerah dan Majlis Bandaran itu akan berjalan dengan baik dan sempurna sebab mereka ada mempunyai pengalaman, bukan saya maksudkan 100 peratus Ahli-ahli Majlis itu diangkat daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara ini, sekurang-kurangnya ada dua tiga orang, sebab pengalaman dan kebolehan mereka sebagai ahli mesyuarat itu akan menjadi satu panduan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang diangkatkan pada masa itu.

Saya fikir setakat inilah sahaja dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

6.04 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan ini sudah panjang dibahaskan dan juga ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini telah membincangkannya tetapi saya rasa

kempunan kalau saya tidak dapat bercakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya sangatlah menyokong Rang Undang-undang ini kerana negeri kita ini ada banyak Majlis Tempatan dan Majlis Daerah dan sebagainya dan mempunyai Undang-undang yang berlainan dan juga bermacam-macam ragam. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang mana dapat meninggikan lagi nilai-nilai sosial yang penting bagi membentuk satu negara Malaysia yang maju dan membangun, dan saya rasa undang-undang ini selaras dengan kehendak-kehendak asas-asas kebudayaan kebangsaan yang telah diputuskan di dalam Kongres tahun 1971 iaitu berkepalakan nilai-nilai sosial yang penting di sisi memupukkan kebudayaan Malaysia. Jadi di dalam pecahan ini rumusan Seminar yang kelima, ada disebutkan di sana, pecahan keempat menyebutkan nilai-nilai berhubung dengan faktur-faktur yang boleh menuju ke arah pemupukan keperibadian Malaysia, cita cita ini mestilah mengandungi konsep atau pegangan yang umum iaitu ada empat perkara (saya baca yang ke empat sahaja) iaitu nilai-nilai minat dan tingkah laku yang sama, yakni dalam bahasa Inggerisnya "common values, interest and pattern of behaviour." Rasa saya dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini maka dapatlah di isi kehendak-kehendak Kongres itu. Jadi dengan sebab itu saya katakan tadi saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian bahagian yang ketujuh iaitu tempat-tempat awam. Rasa saya dalam hal tempat-tempat awam ini kurang diperbincangkan melainkan yang diperbincangkan berkenaan dengan peminjaman wang dan mendirikan rumah dan lain-lain lagi. Apa yang menarik perhatian saya ialah Bahagian VII Fasal 64 menyatakan:

"64. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh—

(*a*) mengadakan, membina, menyusunatur atau mengkhaskan tempat-tempat awam baru;"

Di sini yang saya hendak tekankan iaitu di dalam sesuatu Majlis Daerah atau Tempatan atau Bandaran atau sebagainya hendaklah dapat kita adakan tempat-tempat untuk memupuk kesenian dan kebudayaan bangsa kita. Kebanyakan daripada Majlis-majlis Bandaran yang kecil-kecil tidak ada ditempatkan tempat ini, jadi jikalau ada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang ingin mengembangkan bakatnya di dalam kesenian, tidak ada tempat. Kalau dibuatkan tempat itu dapatlah mereka itu dan keturunan kita yang akan datang memajukan kesenian kebudayaan itu untuk meninggikan lagi kebudayaan bangsa Malaysia ini.

Selain daripada itu ada juga apabila dibangunkan sesuatu Majlis Bandaran atau bandar ada kita dapat sumber-sumber alam yang indah, umpamanya ada tasik yang elok, ataupun sungai yang elok, kadang-kadang kita tidak pedulikan alam itu, kita runtuhkan dia, kita timbun dia, padahal kita tahu manusia ini dia tidak boleh hidup dengan tidak ada alamnya. Umpamanya, satu tempat kita dirikan rumah batu semata-mata, manusia boleh jadi gila, sebab sentiasa memandang batu sahaja, batu tinggi-tinggi, tidak ada pokok, tidak ada pemandangan yang elok, sebab mata manusia ini dia tidak boleh memandang satu perkara sahaja; dia mesti memandang banyak perkara dan perkara yang baik-baik iaitu perkara yang indah-indah. Kalau barang yang indah kita pandang maka hati kita pun jadi indah; kalau barang buruk yang kita pandang, hati kita pun jadi buruk, ibarat cermin muka (mirror). Kalau cermin muka itu disapu dengan raksa yang tidak betul maka hengotlah muka kita, tetapi kalau disapu dengan raksa yang baik, maka cantiklah hati kita sebagaimana kata Leonardo da Vinci: "Mata itu tingkap hati". Dan kata pantun Melayu:

"Dari mana punai melayang,
Dari sawah turun ke padi,
Dari mana datangnya sayang,
Dari mata turun ke hati."

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau ada tempat-tempat yang macam ini jangan dimusnahkan, ini menarik hati saya.

Selain daripada itu, banyak bahasa-bahasa baharu yang kita jumpa di dalam Rang Undang-undang ini. Satu daripadanya yang saya dapat sebutkan disini ialah "kacau ganggu". Jadi, saya fikir orang ini menterjemahkan daripada perkataan Inggeris.

Kalau kata "ganggu" sudah cukup tidak payah pakai perkataan "kacau". Bila mengganggu itu kacaulah. Kacau dengan sudu, kacau orang, kacau susu dan kacau macam-macam. Kalau "kacau ganggu" saya pun kacau-kacaulah, itu maksudnya. Saya fikir ini pendapat saya dan saya tidak tahu bagi pihak Kementerian yang berkenaan barangkali dia ada . . . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Orang boleh ganggu tetapi tidak boleh kacau (*Ketawa*).

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tidak boleh kacau? Boleh jadi juga (*Ketawa*). Tetapi yang biasa saya fahamkan kalau "ganggu" "kacau" lah: jangan ganggu anak orang itu, jangan kacau anak dara ini, selalu dia bercakap begitu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua saya nampak ada satu perkataan lagi "menyelenggara". Di sini banyak ditulis "menyenggara", "menyenggara". Tetapi yang saya faham selalu dipakai perkataan "selenggara", ertinya yang itu buat yang ini, ini buat begitu jadi "selenggara", jadi selang-selangkan, tetapi ini digunakan perkataan "menyenggara". "Menyenggara" macam orang pelat bunyinya. Macam budak-budak yang tidak tahu sebut "bapa" dia kata "pa" macam pelat tetapi saya tidak tahulah, barangkali pihak Kementerian sudah berunding dengan Dewan Bahasa dan Pustaka hendak menciptakan satu perkataan baharu, itu saya tidak tahu tetapi kadang-kadang bahasa ini memanglah berubah, seperti kata orang Melayu: sekali air bah, sekali pasir berubah, barangkali oleh sebab sekarang zaman sains dan teknoloji, jadi perkataan "menyelenggara" jadi "menyenggara" sahaja. Ada pula pemuda, ada pemudi dan sebagainya.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja percakapan saya dan saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan dengan adanya Undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya sebab Undang-undang ini senang dibuat tetapi melaksanakannya itu yang susah. Undang-undang kata begini tetapi bila sampai hendak dilaksanakan, sana slack, sini slack, kadang-kadang negara kita ini selalu membuat undang-undang yang cantik-cantik, bila melaksanakannya sana comot, sini comot sudah tidak betul. Jadi, kalau diibaratkan satu lukisan (painting) kita sudah aturkan begini hendaknya tetapi bila kita mencontingkan itu kadang-kadang colour discord warnanya bercelaru kemudian dinamakannya conflict. Inilah yang menyedihkan. Jadi, sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong sekali lagi dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

6.15 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan sokongan atas Rang Undang-undang yang saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Untuk menjimatkan masa, saya tidak berhajat hendak menjawab satu persatu atau dengan panjang lebar hanya dengan secara ringkas sahaja.

Terlebih dahulu, saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik yang memberi penjelasan berkenaan dengan keadaan Kerajaan Tempatan pada masa sekarang, beliau lebih tahu perkara ini sebab semasa beliau menjadi Menteri Kerajaan Persekutuan, beliau telah melawat banyak kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh Majlis Tempatan. Jadi, berkenaan dengan apa yang disentuh oleh beliau berkenaan dengan perkara pilihanraya yang tidak ada diuntukkan atau ada ditetapkan di bawah Seksyen 10 dan Seksyen 15 Rang Undang-undang ini. Ini sebenarnya, telah dikaji dengan teliti oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan dan wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri telah dengan halus memikirkan perkara ini dan telah mengambil keputusan semasa ini, masa kita menstructurekan baharu Kerajaan Tempatan tidak payahlah kita adakan pilihanraya. Lagi pun melihat keadaan yang telah sudah dan lapuran-lapuran yang telah disampaikan oleh beberapa Suruhanjaya seperti Suruhanjaya Aziz berkenaan dengan Kerajaan Tempatan Bandar Johor Bahru dan Suruhanjaya Justice Lee Hun Hoe berkenaan dengan Majlis Bandaran Seremban di mana Ahli-ahli di kedua-dua Majlis Tempatan itu ada membuat beberapa kesalahan dalam pentadbiran Majlis-majlis itu. Jadi, kita fikir lebih baiklah pada masa sekarang kita tidak payah mengadakan pilihanraya bagi Majlis Tempatan. Perkara ini telah dibangkitkan di Dewan Rakyat beberapa minggu dahulu dan

saya telah menjelaskan sebab-sebabnya kita tidak ada peruntukan supaya Ahli-ahli Majlis Tempatan dipilih oleh orang ramai.

Berkenaan melaksanakan perjalanan Rang Undang-undang ini, perkara ini saya fikir ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang akhir Yang Berhormat Senator berucap telah menyentuh perkara ini. Saya fikir perkara ini kita boleh harapkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakannya dengan sepenuh sebab Undang-undang ini dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri mesti patuh mengikut Fasal 95 (*a*) Perlembagaan Malaysia, Kerajaan Negeri mestilah melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan sempurna.

Perkara yang lain ada disentuh oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pelantikan Ahli-ahli Majlis Tempatan. Perkara ini Kerajaan Negeri sedang berusaha melantik orang yang berkelibar supaya Majlis Tempatan boleh dijalankan dengan sempurna dan pentadbirannya akan berjalan dengan licin.

Seperkara lagi yang disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan wang yang akan diberikan kepada Majlis-majlis Kerajaan Tempatan. Ini satu perkara yang penting sekali. Kerajaan Pusat dan Kementerian saya sedar tentang perkara ini. Dan sebenarnya Kerajaan Pusat telah melantik satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan kita berharap di dalam beberapa bulan lagi kita mendapat lapuran dan cadangannya, bagaimana kita dapat melaksanakan revenue sharing, supaya Kerajaan Tempatan boleh dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna, sebab kebanyakan tugas-tugasnya bergantung kepada kewangan. Jikalau masaalah ini tidak diselesaikan boleh jadi seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi, gambarnya bagus tetapi payah kita hendak membetulkannya.

Ada lagi satu dua perkara berkenaan dengan beberapa peruntukan di bawah seksyen-seksyen yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu berkenaan dengan overcrowding. Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt juga ada menyebutkannya tentang apa yang sebenarnya overcrowding itu ialah 35 kaki cubic feet. Apa ertinya? Jadi menurut keadaan sekarang tinggi—ceiling height kurang lebih 10 kaki. Jadi kalau 35 kaki cubic feet ertinya tanah itu luasnya lebih kurang 5 hingga 7 kaki bukanya. Jika dibandingkan luasnya tanah dengan peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini, saya fikir perkara ini tidak berlebihan kerana sebenarnya ini adalah mengikut apa yang ditetapkan oleh WHO (World Health Organization).

Mengenai kebimbangannya iaitu timbul masaalah-masaalah bila pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan menjalankan tugasnya, barangkali banyak orang yang kena bawa ke mahkamah. Saya suka menyatakan di sini, masaalah ini tidak timbul kerana sebenarnya, peruntukan ini memang telah ada dalam Town Boards Enactment pada masa sekarang, tetapi tidak banyak orang yang kena bawa ke mahkamah pada masa yang telah sudah.

Mengenai definasi, "rank or noisome vegetation" dalam Fasal 74 seperti yang saya dimaklumkan bahawa "rank" itu ertinya dalam bahasa Inggeris full grown, vigorous, luxuriant in growth, abundant, dense atau thick. Noisome ini tidak ada berkaitan dengan bunyi-bunyian. (*Ketawa*) Harmful, injurious, noxious, ill-smelling, disagreeable atau offensive tidak ada kena-mengena dengan bunyi-bunyian.

Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz pula telah membawa beberapa cadangan berkenaan dengan pencemaran ataupun pollution yang disebabkan oleh beberapa kilang yang mengakibatkan berlakunya pencemaran. Beliau telah membuat beberapa cadangan. Ini akan diambil perhatian oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya. Bahagian ini akan menyediakan standard-standard untuk dijadikan panduan oleh semua pihak berkuasa. Saya juga akan fikirkan tentang cadangan beliau mengenai satu tabung untuk mengawasi pencemaran ini. Jikalau difikirkan perlu atau wajar akan dijalankan.

Beliau juga ada menyentuh berkenaan dengan pembuangan sampah dan mengesyorkan supaya tiap-tiap Majlis Tempatan mengadakan incinerator untuk memusnahkan sampah atau debu. Pihak Penguasa Tempatan memang patut mengadakan kemudahan seperti ini dan saya akan menasihatkan mana-mana Majlis Tempatan yang masih belum ada kemudahan-kemudahan ini. Beliau juga mengesyorkan supaya pemeriksaan hendaklah dibuat bukan sahaja di siang

hari tetapi juga di waktu malam. Cadangan ini akan dilaksanakan, tetapi ini bergantung kepada cukupnya bilangan kakitangan yang perlu. Dan lagi punca pencemaran yang dipunyai oleh Kerajaan hendaklah dikawal juga. Pihak Kerajaan sememangnya sentiasa membersihkan sampah-sampah awam, malangnya beberapa orang awam belum lagi mempunyai civic conscious, kerana itu berlakunya banyak kekotoran di dalam bandar-bandar besar pada masa sekarang.

Saya juga bersetuju dengan pendapat beliau yang undang-undang ini bergantung kejayaannya kepada integrity dan peribadi pegawai-pegawainya. Perkara ini adalah benar. Dari segi ini, Kerajaan di semua peringkat sedang menanam semangat bekerja dengan dedikasi dan ketinggian integrity. Kita berharap jenerasi yang akan datang akan lebih dedikasi dan jujur terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik ada menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Petaling Jaya Town Board. Katanya Petaling Jaya Town Board tidak ada timbang rasa kepada orang miskin dan pada masa ini Petaling Jaya tidak ada mengamalkan differential rating atau kadar yang berbeza oleh kerana Town Board Enactment tidak ada peruntukan itu.

Dalam Bil ini ada peruntukan differential rating di bawah Seksyen 129 dan apabila Bil ini diluluskan, Petaling Jaya Town Board boleh melaksanakan kadar berbeza atau differential rating. Beliau juga ada membuat teguran berkenaan dengan rumah murah dan beliau mengatakan tidak memuaskan hati. Sebenarnya, Petaling Jaya Town Board tidak ada rancangan untuk membuat flat atau rumah pangsa harga murah, tetapi beliau barangkali lupa yang Kerajaan Negeri Selangor ada P.K.N.S., jadi tugas ini dijalankan oleh P.K.N.S., kerana itulah Petaling Jaya Town Board tidak melibatkan diri dalam perkara ini.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Seksyen 10 (8) dan Seksyen 26. Di dalam Seksyen 10 (8) itu suara yang ramai adalah dipakai, tetapi didapati dalam Seksyen 26, Chairman itu juga boleh membawa perkara itu kepada Menteri Besar dan Menteri Besar ada berkuasa supaya perkara yang ditetapkan oleh Majlis ini boleh dikendalikan. Kita berbuat demikian, kerana ini adalah di atas permintaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri ada merasa bimbang sedikit, kerana ini kita belum tahu bagaimana ahli-ahli yang akan dilantik samada berkalibar atau tidak, dan boleh jadi perkara yang tidak patut diluluskan, boleh diluluskan oleh Majlis itu. Misalnya, perselisihan pendapat Majlis berhubung dengan Perlembagaan atau undang-undang atau lain-lain dan oleh kerana itu ianya adalah terpulang kepada Menteri Besar untuk menetapkan jikalau ada apa-apa perselisihan faham di antara Pengerusi Majlis dengan Ahli-ahli Majlis itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub, ada membawa beberapa perkara berkenaan dengan ahli-ahli ex-officio atau pegawai Kerajaan dalam Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Perancang Bandar dan Pegawai Kesihatan tidak bekerjasama dengan Majlis Tempatan. Perkara ini boleh jadi juga kerana sistem parit dalam bandar-bandar bukanlah tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair dan tugas-tugas Jabatan ini akan diambil alih oleh Penguasa-penguasa Tempatan sendiri secara berperingkat. Apabila tugas ini diambil alih, perkara ini saya fikir boleh diatasi.

Berkenaan dengan road grants, pada masa sekarang ada tiga jenis jalanraya, jalan Persekutuan, jalan Negeri dan jalan Penguasa Tempatan. Perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kewangan yang dilantik oleh Kabinet. Pada masa ini Kerajaan Negeri ada membuat bantuan kepada Penguasa Tempatan yang tidak berotonomi kewangan. Perkara ini boleh diselesaikan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun ada menyentuh perkara-perkara mengenai perumahan dan katanya pinjaman untuk rumah murah, pembahagian rumah tidak adil. Rumah dijual atau disewa untuk mendapat untung dan orang yang tidak patut mendapat rumah telah diberi rumah dan orang miskin tidak dapat. Keadaan ini hendaklah dibaiki. Mungkin ada juga berlaku sedikit penyelewengan ini, tetapi sekarang pembahagian rumah murah adalah dikawal dengan lebih ketat lagi.

Berkenaan dengan perkara rumah haram atau rumah kilat yang sudah diketahui umum, ini ialah satu masaalah sosio-ekonomi dan setinggan-setinggan semakin bertambah.

Cara untuk menyelesaikan hal ini bukanlah dengan menangkap orang-orang yang bertanggungjawab yang mendirikan rumah haram tetapi hendaklah juga dengan membina banyak lagi rumah murah dan mengujudkan banyak pekerjaan. Kerajaan telah menyediakan dasar untuk membina rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim ada menyentuh kedudukan kewangan bagi Kerajaan Tempatan dan hutang-hutang yang patut dibayar oleh Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan tidak diselesaikan. Perkara ini disebabkan oleh penyusunan semula Penguasa Tempatan untuk menjadikan lebih besar dan ini boleh diatasi bila kawasan Majlis Tempatan itu lebih besar dan juga berkenaan dengan masaalah valuation harta benda yang dipunyai oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri yang terletak di bawah Penguasa Tempatan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad ada mengemukakan beberapa perkara berkenaan dengan Kerajaan Tempatan di negara ini dan perbezaannya dengan negeri-negeri yang lain. Beliau mengatakan untuk meluaskan sesuatu kawasan Penguasa Tempatan itu atau menubuhkan Majlis Daerah yang baru hendaklah berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru. Ini memanglah dasar yang dipersetujui oleh Majlis Kerajaan Tempatan dan perlulah dipatuhi oleh semua Penguasa Tempatan.

Beliau juga mengesyorkan bahawa bangunan yang akan dibina hendaklah berwatakkan Malaysia. Perkara ini tidak boleh dipaksa, tetapi saya percaya mereka yang ada peribadi Malaysia akan membentuk bangunan mengikut watak Malaysia. Beliau juga mengesyorkan supaya dalam Majlis Daerah baru bumiputra hendaklah diberi peluang mendapat lot-lot kedai dan gerai-gerai dalam pasar dan lesen. Saya telah menyatakan hal ini baru sebentar tadi bahawa dasar ini akan dipatuhi oleh semua Pihak Penguasa Tempatan. Kelayakan umur bagi menjadi ahli seperti di bawah 21 tahun tidak ada sekatan di bawah undang-undang tetapi yang eloknya dilantik mereka yang matang dan dewasa. Lantikan sebagai Senator tidak kurang daripada umur 30 tahun pada masa sekarang. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Akhirnya, Yang Berhormat Senator Abdul Aziz bin Tapa mengesyorkan nilai-nilai sosial mengikut keputusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan, 1971. Ini saya sudah maklum dan akan diambil ingatan. Perkara yang lain berkenaan dengan bahasa terjemahan itu bukanlah tanggungjawab saya dan terpulanglah kepada Jabatan Peguam Negara. Barangkali ada sebab-sebab tertentu mengapa perkataan-perkataan itu digunakan. Sekianlah sahaja terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 166—

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Pengerusi, di sini saya bercadang hendak memasukkan fasal-kecil (3) di bawah Fasal 142. Peruntukan di bawah fasal-kecil ini ialah berkenaan dengan kuasa untuk mengurangkan kadar taksiran.

Saya minta izin, Tuan Pengerusi, bercakap dalam bahasa Inggeris . . . . .

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, oleh kerana Ahli Yang Berhormat ini tidak ada memberi notis berkenaan dengan pindaan ini, maka cadangan itu tidak boleh diterima.

Fasal 1 hingga 166 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.48 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa, 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Mungkin Dewan ini maklum bahawa pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai satu Akta Perancangannya sendiri dan semua Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran, Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah memakai peruntukan-peruntukan perancang bandar yang terdapat dalam pelbagai Enakmen Lembaga Bandaran dan Ordinan Perbendaharan. Peruntukan-peruntukan yang ada dalam pelbagai undang-undang ini tidaklah mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak perancangan atau menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul daripada kemajuan yang pesat di dalam negara kita yang sedang membangun ini. Oleh hal yang demikian, maka satu undang-undang yang berasingan yang menyeluruh dan seragam untuk dipakai oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berkenaan dengan perancang bandar dan desa amatlah mustahak.

Saya suka mengambil peluang hendak memberi sedikit keterangan yang ringkas berkenaan dengan prinsip-prinsip perancang yang dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini. Dalam undang-undang yang dicadangkan ini kuasa-kuasa perancangan adalah terletak ke atas sesebuah penguasa tempatan itu sendiri yang bertanggungjawab bukan sahaja untuk merancang bagi kawasannya tetapi juga melaksanakan pembangunan yang dirancangkan itu dalam kontek pembangunan negara.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Perancangan Negeri yang akan ditubuhkan adalah bertanggungjawab bukan sahaja untuk mengawasi dan meluluskan pelan-pelan struktur tetapi juga menyelaraskan rancangan-rancangan di antara penguasa-penguasa tempatan dalam sesebuah negeri itu dan juga dengan perancangan Negara.

Sejajar dengan prinsip-prinsip yang moden, undang-undang yang dicadangkan ini akan memperuntukkan dua jenis pelan perancangan:

(*a*) Pelan struktur (structure plan); dan

(*b*) Pelan tempatan (local plan).

Pelan struktur ialah satu kenyataan dasar yang bertulis dan mengandungi cadangan-cadangan am sesebuah penguasa tempatan itu berkenaan dengan kemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasannya, termasuklah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan-keadaan alam sekitar, perhubungan dan pengawalan lalu-lintas dan juga yang menerangkan perkaitan rancangan-rancangan tersebut kepada cadangan-cadangan am untuk memajukan dan menggunakan tanah-tanah dalam kawasan-kawasan yang berjiran dengannya. Kenyataan ini bolehlah disokong dengan pelan-pelan, carta-carta dan ilustrasi-ilustrasi.

Adapun pelan struktur ini adalah disediakan oleh penguasa perancangan tempatan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri.

Pelan Tempatan adalah mengandungi satu peta dan kenyataan yang bertulis yang menerangkan dengan secara lengkap cadangan-cadangan untuk memajukan dan menggunakan tanah dalam kawasannya termasuk langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan-keadaan alam sekitar dan pengawalan lalulintas. Pelan tempatan ini hendaklah direka berasaskan kepada pelan struktur tadi.

Peruntukan-peruntukan yang mencukupi adalah juga dibekalkan dalam undang-undang yang dicadangkan ini untuk menguatkuasakan dan mengawal kemajuan sejajar dengan pelan-pelan struktur dan pelan-pelan tempatan. Sebagai satu kawalan yang tegas, sebarang pemajuan tanah tidak boleh dijalankan tanpa kebenaran perancangan diperolehi terlebih dahulu.

Satu perkara yang patut diterangkan ialah berkenaan dengan peranan penduduk-penduduk tempatan dalam perancangan kawasannya sendiri. Ini ialah dalam menyediakan kedua-dua pelan struktur dan pelan tempatan itu penduduk-penduduk tempatan adalah dipelawa untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka kepada penguasa perancangan tempatan serta membuat bangkangan-bangkangan di mana mereka fikir perlu.

Satu perkara lagi yang mustahak yang telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan "development charge" atau pembayaran pemajuan. Ini adalah dikenakan ke atas tuan-tuan punya tanah yang hendak memajukan tanahnya akibat perubahan kegunaan tanahnya itu daripada kegunaan sekarang atau untuk menambah luas lantai (floor area) ataupun pertambahan bilangan yunit.

Begitu juga sesebuah penguasa perancangan tempatan itu bolehlah mengisytiharkan sesuatu kawasan di bawah bidang kuasanya sebagai kawasan pembangunan dan sesudah itu ia bolehlah melaksanakan pembangunannya dengan cara menggunakan ajensi-ajensi atau berusaha-sama dengan firma-firma swasta ataupun menubuhkan badan-badan berkanunnya sendiri. Dalam melaksanakan perancangan ini sesebuah penguasa perancangan tempatan itu bolehlah mengambil balik tanah serta membayar gantirugi, meminjam wang kerana pembangunan itu dan seterusnya menjual tanah dan harta tanah itu kepada orang ramai.

Lain-lain peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan yang biasa dimuatkan di dalam Rang Undang-undang perancangan. Keterangan yang lengkap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini bolehlah didapati dalam Huraian di hujung Rang Undang-undang ini.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.59 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengalu-alukan kelulusan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri baru sebentar tadi. Saya rasa dengan kelulusan Rang Undang-undang ini nanti maka akan dapatlah diperbetulkan susunan-susunan bandar dan desa yang selama ini kedudukannya adalah tidak teratur dengan ada setengah-setengahnya kalau kita gunakan bahasa tempatan kucar-kacir yakni tidak tersusun sebagai yang termesti.

Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini insya Allah dapatlah disusun bandar-bandar kita dengan teratur dan bertertib bagi menyenangkan bukan sahaja pentadbir-pentadbir tempatan bahkan juga menyenangkan pada pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak ahli-ahli perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini nanti bukan sahaja pihak berkuasa Perancang Bandar itu akan berusaha menyusun ataupun membuat rancangan penyusunan bandar di seluruh Malaysia kita ini, tetapi juga akan membuat satu susunan ataupun peraturan boleh memerintahkan supaya dirobohkan mana-mana bangunan yang buruk dan tidak sesuai yang masih banyak terdiri di dalam bandar kita di Malaysia. Umpamanya saya buat misalan dalam Bandar Kuala Lumpur kita sendiri masih banyak bangunan yang buruk yang duduk seolah-olah di tengah-tengah jalan besar, di celah-celah bangunan baru dan boleh menyentuh, atau menjatuhkan imej ibu kota negara kita ini. Kalau ada susunan yang teratur dan boleh memberi kuasa supaya merobohkan bangunan-bangunan seumpama ini, maka saya rasa susunan bandar-bandar kita akan lebih elok dan pandangan-pandangan akan lebih menjadi memuaskan dan selisa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-masa yang lalu di setengah-setengah tempat ataupun negeri bila sahaja dibuatkan satu layout ataupun susunan bandar, satu susunan pelan rancangan perbandaran, kemudian diisytiharkan samada kawasan itu dijadikan kawasan perumahan, residential dan ada pula kalanya dibuat susunan dijadikan kawasan itu sebagai kawasan perindustrian dan ada pula satu kawasan pertanian. Apa yang berlaku pada masa yang lepas susunan yang disebutkan sebagai residential itu hanya diisytiharkan pada nama sahaja, tetapi bila tuan-tuan punya tanah hendak menjalankan pembinaan bangunan, misalnya di atas kawasan yang diisytiharkan kawasan residential tadi ataupun kawasan industri juga, maka pihak tuan-tuan tanah itu terpaksa mengangkatkan permohonan yang berasingan untuk menukarkan syarat tanah-tanahnya (conversion) misalnya, kalau geran asal tanah itu ditulis kampung,

ini yang kebanyakan yang ada sekarang, yakni syarat penggunaan tanah itu ditulis kampung mengikut takrif yang ada sekarang ini kampung bererti juga ditafsirkan di bawah agriculture yakni sebagai tanah pertanian dan kalau hendak buat rumah, hanya sebuah rumah sahaja yang boleh dibenarkan di atas tanah itu, kalau tanah itu satu ekar pun hanya sebuah rumah sahaja boleh dibina. Jadi bila hendak dibuat bangunan, terpaksa diangkatkan permohonan untuk convert tanah itu dijadikan kawasan perumahan, pada hal kalau mengikut layout pelan yang telah disediakan tadi ialah untuk residential atau untuk perumahan. Saya berharap supaya dengan kelulusan Rang Undang-undang ini pihak Perancang Bandar, bila telah disusun, dibuat layout plan yang tertentu kawasan residential, kawasan industrial dan sebagainya yang telah diisytiharkan, maka biarlah pihak-pihak tuan-tuan tanah yang hendak mendirikan rumah dan sebagainya tidaklah lagi payah mengubahkan syarat-syarat tanah tadi. Memadailah dengan Perisytiharan yang dibuat oleh Kerajaan itu dengan sendirinya tanah itu boleh digunakan sebagai kawasan perumahan atau industri atau mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah kita dengar penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, pada masa sekarang hanya Wilayah Persekutuan sahaja yang ada undang-undang perancangan bandar tetapi di tempat yang lain masih belum ada lagi. Maka saya harap setelah diluluskan Rang Undang-undang ini, maka semua susunan bandar ini dibuat dari satu masa ke satu masa, kemudian diisytiharkan kepada orang ramai bagi menyenangkan orang ramai menentukan kegunaan tanah masing-masing. Di dalam susunan-susunan itu dibuat satu tatacara yang teratur, hendaklah ditentukan supaya kedudukan kawasan-kawasan residential dan juga kawasan-kawasan industri sentiasa berhampiran bagi menyenangkan kita. Kalau kita buka satu kawasan industri maka pekerja-pekerja tidaklah bersusah payah berulang alik dari tempat yang jauh bagaimana yang sedang berlaku sekarang ini, setengah-setengah pihak pekerja di tempat-tempat itu berulang berbatu-batu jauhnya dan boleh mendatangkan berbagai-bagai kesusahan yang boleh menimpa kepada mereka. Tetapi kalau di tiap-tiap kawasan industri itu diadakan pula kawasan perumahan yang sesuai, maka dengan sendirinya kawasan-kawasan industri itu akan dapat pekerja-pekerjanya duduk berhampiran dengannya, dengan kawasan itu dan boleh mengatasi masaalah tempat tinggal yang sedang dihadapi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga menyeru supaya dengan adanya kuatkuasa undang-undang ini apabila datang satu-satu permohonan untuk membuat susunan ataupun rancangan daripada pihak-pihak persendirian, maka hendaklah sebolehbolehnya masa memproses permohonan itu biarlah disegerakan, tidak sebagaimana yang berlaku pada masa-masa yang telah lepas, kadang-kadang mengambil masa yang sangat panjang dan ada kalanya terpaksa permohonan-permohonan itu diulang-ulang dengan sebab kehendak-kehendak barangkali tidak sesuai dan sebagainya dengan kehendak pihak perancangan ataupun Pegawai Perancang. Dan dengan sebab kelambatan-kelambatan itu boleh menggendalakan pembangunan dalam sesuatu bandar. Itulah sahaja pandangan saya secara ringkas.

7·10 mlm.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan pada pendapat saya sepatutnya Rang Undang-undang ini ada di meja kita ini sebelum daripada Rancangan Malaysia Pertama dijalankan. Hari ini kita telah berada dalam zaman menempuh kepada Rancangan Malaysia Ketiga, bermaknanya Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua telahpun kita luluskan dan perkembangan negara kita telah begitu pesat maju sehingga keadaan tidak menyenangkan di dalam negara kita ini dalam hal-hal mengenai perancangan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu perancangan negara ada kaitannya dengan penghidupan rakyat. Kerajaan kita telah meluluskan Dasar Ekonomi Baru untuk mengembangkan ekonomi negara kita. Dengan perkembangan ekonomi negara maka ramailah penghidupan rakyat, ramailah keadaan perkembangan perjalanan rakyat, perhubungan rakyat, jalanraya dan berbagai-bagai perkara lagi. Oleh kerana kita tidak mengadakan satu undang-undang yang lengkap sebagaimana yang kita ada pada hari ini setelah kita berjalan dua rancangan lima tahun, maka keadaan apa yang berlaku di

Kelantan hari itu satu jalan yang sempit dengan motokar-motokar yang begitu banyak, keadaan yang kucar-kacir mengenai susunan rakyat di dalam satu-satu negeri itu kerana kita tidak merancang bagaimana yang sepatutnya dan masa yang menasabah, maknanya kita telah 10 tahun di belakang di dalam kerja-kerja merancang negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di mana salahnya, siapakah yang salah? Bagi saya ialah Jabatan Perancang Negara ataupun Jabatan Perancang Ekonomi Negara yang boleh kita katakan Economic Planning Unit (EPU) yang ada di dalam negara kita ini. Mereka tahu merancang tetapi tidak mengerti bagaimana rancangan itu patut dilaksanakan, mereka tidak mengadakan undang-undang yang lengkap bagi melaksanakan rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa. Kelewatan undang-undang inilah yang menimbulkan kesusahan kepada Majlis-majlis Tempatan, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengaturkan rancangan-rancangan dalam tiap-tiap negeri ini. Ini adalah satu kesalahan yang terlalu besar, kesalahan yang boleh menimbulkan kesusahan pada masa depan dalam kerja merancang, kerana apabila sesuatu perkara telah dibinakan di bawah satu keadaan yang tidak dirancang, maka kalau sekiranya pembinaan baru hendak dibuat sudah tentu tidak dapat diruntuhkan apa yang telah dibina melainkan kenalah dicarikan tempat-tempat yang baru untuk dibina supaya sesuai dengan apa yang hendak dirancangkan. Ini sudah memang satu keadaan yang boleh dimengertikan oleh sesiapa pun. Jadi itulah sebabnya saya rasa undang-undang ini adalah satu undang-undang yang dibawa pada masa yang sangat lewat berbanding dengan kemajuan negara kita pada masa ini. Sungguhpun lewat kita terimalah dengan perasaan yang baik, dengan semangat yang bertolak-ansur dan kita terimalah undang-undang ini dengan memberi sokongan yang sepenuhnya supaya Menteri kita tidak bermasam muka di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi pendapat saya kepada Rang Undang-undang ini. Satu keadaan untuk merancang satu-satu negara adalah satu perkara yang sangat besar, sebab apa yang kita rancang hari ini mungkin tidak dapat dipersetujukan oleh anak-cucu kita dalam masa 10-20 atau 30 tahun pada masa depan. Apa yang kita rancang hari ini perlu kita kaji dengan teliti supaya rancangan kita ini tidak akan dicela oleh anak-cucu kita. Kalau sekiranya orang-orang British merancang bandar Adelaide di Australia pada masa ini mendapat pujian yang menyatakan bandar Adelaide adalah satu bandar yang baik, satu bandar yang sangat indah dirancang oleh satu perancang yang datangnya daripada Pulau Pinang untuk merancangkan bandar itu, maka itu satu pujian yang tinggi yang diberi kepada seorang perancang bandar. Maka kita perlu mengambil tauladan daripada apa yang telah berlaku di negeri yang jauh itu iaitu kita rancangkan supaya anak kita, cucu dan cicit kita mengatakan inilah negeri kita telah dirancang oleh orang-orang yang bijak pandai dalam merancangkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bahas undang-undang ini kita akan pilih kepada siapa yang hendak merancang. Yang hendak merancang ialah Jawatankuasa Perancang yang ada di negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Menteri-menteri Besar. Jawatankuasa Perancang ini akan mengandungi seorang ahli yang tahu dalam hal perancangan dan di dalam Jawatankuasa itu mempunyai 4 orang yang dilantik oleh Ahli Kerajaan dalam negeri itu di samping Setiausaha Kerajaan, Pegawai Undang-undang dan sebagainya. Bagi saya perlu kita adakan satu kumpulan manusia yang bijak pandai dalam perancangan di peringkat pusat supaya tiap-tiap negeri apabila hendak merancangkan bandar atau desa mempunyai hubungan dengan keadaan negeri-negeri lain di Malaysia ini, sebab kalau kita biarkan perancangan itu dirancang mengikut suka hati di tiap-tiap negeri, maka negara kita ini tidak mempunyai satu pelan induk dalam perancangan negara.

Kalau sekiranya kita pergi ke Amerika umpamanya, kita tengok satu-satu pekan itu ada mempunyai keistimewaannya. Kalau kita pergi ke Los Angeles umpamanya kita hendak tengok wayang gambar macam mana filem dimainkan, maka kita pergi ke Los Angeles, tidak ada di tempat lain. Kalau kita pergi ke satu tempat lain pula ia ada satu keistimewaan yang diatur, umpamanya perlu mana-mana pelawat pergi: Kita pergi ke negeri ini kerana negeri ini mempunyai satu keistimewaan. Umpamanya, kalau kita pergi ke Kentucky kita boleh tengok kuda yang cantik, padang yang luas, siapa yang hendak meminum minuman keras yang baik pergi ke

Kentucky, begitu umpamanya. Ada kilang-kilang yang boleh mengeluarkan bahan-bahan yang istimewa yang boleh dapat menarikkan mereka yang melancung ke sana. Perancang ini ada kaitannya dengan hubungan manusia yang berjalan, kemajuan negara itu ada hubungannya dengan perkembangan dunia. Ini satu masaalah yang sangat besar yang perlu dikaji oleh satu team perancang negara, bukan sekadar membiarkan kepada negeri itu: rancanglah, kita telah tubuhkan satu jawatankuasa untuk perancangan. Itu tidak mungkin boleh berjalan dengan baik.

Apa yang diperlukan oleh negara hari ini ialah satu badan perancang yang bijak pandai di peringkat pusat dan satu tabung kewangan yang besar untuk merancang negara kita ini. Kita tidak boleh mengharapkan kepada badan ini untuk mengadakan wangnya sendiri dalam merancang negeri, sebab kita tahu, umpamanya, negeri yang paling mundur ialah di Kelantan, Trengganu, Pahang; (di Pantai Timur) mereka tidak mampu mencari wang untuk merancang negeri ini, mereka tidak mampu mengadakan orang-orang yang bijak pandai untuk merancang bandar, mereka berkehendakkan kepada bantuan daripada Kerajaan Pusat, mereka berkehendakkan kepada wang yang banyak yang perlu untuk merancangkan bandar-bandar yang baru ini.

Kalau sekiranya kita tengok bandar Kota Bharu itu duduknya di bawah paras laut yang terpaksa menerima banjir pada tiap-tiap tahun, kenapa tidak boleh kita rancangkan supaya bandar itu dipindahkan kepada satu kawasan yang lebih tinggi dan satu keadaan tempat yang lebih elok supaya dapat menarik mereka suka hendak membuka kedai berniaga dan melancung melihat bandar yang baik itu. Maka ini perlu kepada kewangan, perlu kepada orang yang bijak pandai untuk mengatur dan memikirkan benda ini. Tidak boleh difikirkan oleh Menteri Besar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perancang, kerana Menteri Besar itu banyak pekerjaannya, beliau perlu menjaga negeri, beliau perlu menjaga rakyat, beliau perlu berbuat berbagai-bagai masaalah di dalam negerinya, maka kalau kita biarkan kepada Menteri Besar menjadi Pengerusi Perancang dan hendak biarkan beliau merancang negeri, saya rasa ini akan menimbulkan kerumitan, akan menimbulkan beban yang berat kepada Menteri-menteri Besar tiap-tiap negeri dan ini menimbulkan keadaan yang boleh melemahkan kerja merancang. Jadi, oleh kerana Undang-undang ini telah diatur begitu rupa, barangkali kerana hendak mengambil kuasa Menteri Besar sebagai Ketua Negeri bagi memudahkan merancang negerinya barangkali itulah dibuat ini. Saya mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya memandang berat dalam masaalah ini, dalam masaalah membentuk satu badan perancang di peringkat negara dan mengadakan satu tabung kewangan yang banyak sekali untuk merancang negara kita ini. Kalau tidak Undang-undang ini tidak dapat dijalankan dengan baik.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini berkehendak kepada satu rancangan yang paling baik sekali sebab negeri kita ini negeri muda, kita baru merdeka dan kita mempunyai tanah yang banyak, kawasan yang luas yang boleh dibuka dan dirancang. Kita mempunyai umat atau penduduk cuma baru barangkali 11 atau 12 juta. Jadi, kita perlu merancang negeri kita ini mengikut cara yang paling moden, kita perlu kepada satu rancangan yang paling elok sekali. Jadi, ini kita berkehendakkan kepada orang-orang kita pergi keluar negeri, perancang-perancang bandar ini kita hantar ke seluruh dunia tengok, bagaimana mereka merancangkan negeri-negeri dan kita akan dapat melakukan satu rancangan yang paling up-to-date dalam dunia perancangan bandar dan desa ini. Ini perlu dibuat dan wang bagi menghantar mereka ini tidak dapat dihantar oleh negeri, perlu dihantar oleh Kementerian, Kementerian ambil tiap-tiap negeri hantar keluar negeri, menjelajah tengok bandar-bandar yang besar sebagaimana mereka merancang bandar-bandar di seluruh dunia ini. Apabila mereka ini balik akan memikirkan bagaimana hendak sesuaikan dengan kedudukan alam kita, dengan kedudukan rakyat kita dan dengan kedudukan tempat kita mereka ini tidak mesti meniru atau mengikut contoh-contoh bandar-bandar yang ada di seluruh dunia ini, tetapi mereka boleh memikirkan satu cara dan kaedah yang lebih baik dan yang lebih sesuai dengan keadaan negara kita ini. Ini pun perlu kepada kewangan, Kementerian perlu menghantar pegawai-pegawai perancang dan Ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Perancang ini supaya melihat dunia, sebab saya tahu ada Menteri Besar yang tidak pernah round dunia, ada

Menteri Besar tidak pernah pergi ke England, pergi ke Amerika atau ke Jepun. Beliau jadi Pengerusi Jawatankuasa Perancang, dunia beliau tidak kenal macam mana hendak rancang? Ini adalah satu kenyataan, barangkali ada banyak Menteri Besar yang telah pergi menjelajah tengok dunia, tetapi ada Menteri Besar yang tidak tengok dunia, belum kenal dunia. Ini perlulah kepada satu keadaan kalau kita hendak merancang negeri kita, negara kita, kita perlu menghantar mereka ini keluar negeri melihat, kalau kita hendak buat Mesjid Negara kita, akitek sudah pergi seluruh dunia melihat, baru boleh buat satu Mesjid Negara yang paling indah, orang luar tengok ini Mesjid paling indah, cantik, cara kedudukannya, dengan rupabentuk yang begitu indah, yang begitu up-to-date. Masaalah perancangan adalah satu ilmu teknikal juga, ahli-ahli perancang kena belajar di universiti bertahun-tahun, kalau kita beri kepada mereka yang tidak mengenali ilmu perancang, macam mana kita hendak harapkan mereka dapat merancang dengan rancangan yang baik, kalau kita tidak bawa mereka ini keluar negeri secara praktikal tengok dunia bagaimana negeri-negeri lain buat rancangan. Itulah saya fikir perlu dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

7.25 mlm.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang bercakap dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian berkenaan atas khidmat dan usaha mereka membangun dan membesarkan negeri, bandar-bandar di negara kita ini, tetapi usaha mereka itu tidak boleh kita bandingkan wujudnya bandar-bandar tua pada zaman penjajahan dahulu, bandar yang telah wujud sebelum mereka ada. Kita harus yakin dengan dasar negara kita, sebab sebelum mereka dahulu tidak ada orang yang kata kita sanggup memerintah diri sendiri, akan tetapi setelah kita merdeka kita betul dan perbaiki, banyak dunia yang menyanjung tinggi atas usaha-usaha pegawai Kerajaan, ahli-ahli politik kita yang terkenal dan berpengalaman. Maka pada hari ini mereka mengatakan Malaysia kita ialah sebuah Malaysia yang sangat bahagia, walaupun ada terdapat kekurangan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat kita tadi, hendaknya janganlah kita marahkan pijat maka kelambu kita bakar. Seseorang yang mengenal dan mengerti tentulah kita patut memberi penghargaan. Maka Bil ini diwujudkan adalah kerana kemudahan kepada Kerajaan Negeri bergerak dalam perancangan. Jadi, dengan adanya Undang-undang ini ada kemudahan kepada Kerajaan Negeri mentadbir, merancangkan sesuatu bagi perancangan dalam negara kita, kita akan buka banyak bandar-bandar baru, ahli perancang juga harus mengkaji seperti seorang tukang masak memikirkan selera siapa yang makan. Kita berupaya membuat bandar satellite yang tidak ada kereta dalam bandar itu, adakah padan dengan rakyat Malaysia pada masa ini, sebelum kita masuk bandar satellite yang tidak ada kereta di dalamnya itu kita harus berjalan kaki, kita harus belajar pakai tongkat dahulu, dengan ayun kita, maka baru padan dengan bandar satellite. Jadi kita mesti sesuaikan dengan kehidupan kita sekarang ini. Apa yang kita mahu sekarang ialah kita lekas membangun bandar supaya bumiputra boleh berniaga. Saya ibaratkan bukan pakaian kita pandang tetapi budi bahasa yang kita kira. Bukan rumah yang kita mahu sekarang ini tetapi peluang kita mahu, sebagaimana di Ibukota ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan rumah sahaja menjadi soal, tetapi peluang bagi bumiputra berniaga dan belajar daripada orang yang bukan bumiputra itu yang kita perlu, tetapi masaalah wang saya sokong kita harus mencadangkan satu jumlah bilangan yang besar. Saya setuju bahawa setengah-setengah negeri tidak mempunyai cukup peruntukan dan ini menyulitkan. Jikalau perancangan negeri memberi kuasa kepada perancangan tempatan mereka juga perlu wang. Wang inilah yang patut dan saya menyokong supaya Kerajaan sendiri menyedari di mana undang-undang yang boleh mudah menyalurkan kewangan kepada badan-badan berkanun maka ini perlu dikaji. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, negara kita menghantar lebih banyak ahli perancang kita keluar negeri dan menjelajah seluruh negeri untuk mendapat ijazah doktor atau yang lebih tinggi lagi dan lain-lain. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang Masjid Negara dan kita pandang setesyen keretapi, di mana masjid pada hemat Ahli-ahli Yang Berhormat? Pada saya, kalau saya baharu datang ke Kuala Lumpur, walaupun saya rakyat

Malaysia, saya akan memandang bahawa Setesyen Keretapi itulah masjid, sebab ada unsur-unsur yang bertamadun Islam. Kalau saya pandang Masjid Negara seolah-olah seperti Stadium padang badminton atau padang tennis sahaja. Jadi, bentuk rupa itu, Tuan Yang di-Pertua, perancang akan melakukan atau buat mengikut pandangannya. Saya tidak mengatakan Masjid Negara tidak berunsur Islam. Walaupun akiteknya sudah melawat 14 buah negara atau 11 buah negara, kerana hendak membentuk rupa Masjid Negara, tetapi kalau saya orang yang baharu datang ke Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengatakan Setesyen Keretapilah sebuah masjid yang hampir dengan setesyen keretapi. Itu pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya tidak menyentuh perika Masjid Negara itu sendiri, tetapi apa yang saya menyatakan bahawa perika itu sendiri mestilah merupakan seorang tukang masak yang mahir yang akan menghidangkan makanan kepada beberapa orang lain yang makan masakannya. Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, tukang masak ini pun tidak nampak kepandaiannya yang nampak ialah tukang hidang, tukang hidang dapat nama, tukang masak berpeloh di dapor tidak dikenali.

Jadi, dalam membahaskan Bil ini saya rasa puas hati dengan Bil ini. Dengan adanya Bil ini memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Perancangan di samping Pengarah Perancangan Desa, Kerajaan Negeri menjadi Penasihat, apa yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Perancangan Bandar dan Desa harus menyambut cabaran dengan sepenuh-penuh, sebab kepadanya mohon nasihat, pandangan dan fikiran dalam soal membangunkan satu-satu bandar atau pekan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dalam soal pembangunan bandar dan pekan di Negeri-negeri sedang pesat dijalankan. Jadi apalah jua kiranya Kementerian Perancangan Bandar dan Desa ini melengkapkan Jabatan di tiap-tiap Negeri itu dengan sepenuh-penuhnya. Tuan Yang di-Pertua, seumpamanya di Pahang Tenggara bercadang hendak membuka 20 buah bandar, di Johor Tenggara akan membuka 11 buah bandar, Trengganu Tengah akan membuka tidak kurang daripada 10 buah, begitu juga Kelantan, Ulu Kelantan akan mengadakan bandar-bandar dan di Dili di persimpangan jalan di antara Kelantan dengan Pantai Barat. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sendiri mestilah menyediakan orangnya, sebab saya tahu ada pegawai-pegawai perancang ini sendiri yang keluar daripada jabatan ini berkhidmat dengan swasta dengan sebab pendapatannya agak lebih jika dibandingkan dengan pendapatan dalam masa berkhidmat dengan Kerajaan. Jadi, kalau kita hendak menambat hati orang, Tuan Yang di-Pertua, kita harus lebih banyak berbudi bahasa, gajinya harus kita naikkan, kita beri kedudukan, hantar dia berkursus ijazah yang lebih tinggi. Bila mereka balik hendaklah naikkan tarafnya dengan pegawai jabatan yang paling tinggi atau kalau tidak paling tinggi sekurang-kurangnya sama. Kita tidak mahu Ketua Pengarahnya dapat tanggagaji A. 25, ada pengarah lain dapat A. 30, maka Pengarah itupun akan meninggalkan jawatannya. Jadi, kalau ketua sudah meninggalkan jawatan yang tinggal tidak ada ketua. Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah menimbangkan kedudukan khidmat mereka soal pendapatan juga perlu dikaji dan kemudahan-kemudahan menambah pelajaran juga perlu dipertimbangkan. Kita harap Malaysia akan mengeluarkan banyak pakar-pakar perancangan negara dan saya harap tidak akan berbangkit lagi masaalah pembangunan bandar-bandar tua. Saya sendiri pun tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah bandar Kuala Lipis, tempat saya ini di tebing-tebing sungai? Tidakkah ada tanah rata. Bila saya sudah tua ini, Tuan Yang di-Pertua, baharu saya sedar pada zaman pembukaan dahulu sungai itu jadi jalanraya yang besar, maka bandarpun dibuat di tepi sungai. Perkara yang semacam ini, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita lupakan sahaja. Kita telah menerima sisa daripada penjajah dahulu, tetapi dengan semangat kita sendiri dan dalam semangat kita yang merdeka ini biarlah kita membangunkan negara kita dengan cara kita dan semangat kita Malaysia. Tetapi kita harus memikirkan bangunan yang kita buat dan perancangan yang kita lakukan hendaklah sesuai dengan jiwa dan rakyat kita sendiri. Kita tidak perlu buat bandar yang harus dipuji oleh dunia jikalau rakyat kita masih ada lagi yang berpendapatan $60 sebulan. Beribu petani-petani dan nelayan-nelayan kita yang masih dalam keaiban, bekerja pagi makan petang, bekerja petang makan pagi, sedangkan

rumah-rumah dan perancangan bandarnya dikenali oleh dunia, ini tidak akan memberi keuntungan kepada rakyat di negara ini.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dan menyokong dengan sepenuh hati walaupun saya tidak mengatakan bahawa Undang-undang ini lambat dikemukakan, tetapi saya rasa masanya sudah tiba kerana permulaan Rancangan Ketiga maka Bil ini diadakan. Saya rasa satu rahmat dan satu perkara yang patut kita bersyukur kepada Tuhan supaya tiap-tiap negeri dapat membuat panduannya sendiri dalam masaalah ini.

7.40 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan Rang Undang-undang ini menjadi panduan, pada fikiran saya pun begitu juga. Baru-baru ini kita nampak bandar baru Shah Alam telah didirikan. Sebelum itu Petaling Jaya dekat Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, samada diketahui atau tidak, apabila Petaling Jaya didirikan Ketua Perancang Bandar Negeri Selangor telah menguntukkan kawasan seluas 2,000 ekar manakala kawasan lain dikhaskan sebagai green belt. Tetapi green belt ini entah bagaimana diminta oleh pengusaha perumahan, diluluskan dan boleh pula dijadikan kawasan perumahan. Sesudah itu, green belt yang lain seluas 80 ekar diluluskan pula sebagai kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir corruption telah berjalan di dalam Jabatan ini oleh kerana apabila sesuatu kawasan dijadikan green belt orang tidak boleh mendirikan rumah di situ. Apabila tidak boleh dibuat rumah dan pemaju hendak mendirikan rumah juga maka dengan sebab itu kawasan itu ditukarkan menjadi kawasan perumahan. Ini satu kesalahan yang telah dibuat oleh Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Perkara ini jangan terjadi lagi pada masa yang akan datang, kalau terjadi juga maka negeri ini akan hancur lebur oleh kerana rasuah akan terus-menerus berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sebanyak sebagaimana yang dikatakan oleh saudara-saudara saya sebentar tadi berkenaan dengan kilang-kilang. Sebelum Perancang Bandar dan Desa merancangkan tempat pembinaan kilang-kilang mestilah mengambil ingatan berkenaan dengan dasar Kerajaan pada hari ini. Kerajaan mestilah berhubung rapat dengan Kementerian-kementerian yang berkaitan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dasar Kerajaan pada hari ini adalah untuk membawa kilang-kilang ini keluar bandar supaya orang-orang yang di luar bandar dapat menikmati rancangan-rancangan Kerajaan, jangan diletakkan di pekan sahaja. Jadi, dasar Kerajaan mestilah diambil perhatian oleh Perancang Bandar dan Desa ini. Saya berharap kepada Kementerian yang bertanggungjawab berkenaan dengan rancangan-rancangan Perancang Bandar dan Desa hendaklah bekerjasama dengan State Development Corporation di satu-satu negeri oleh kerana State Development Corporation juga membuat bandar-bandar.

Di dalam negeri Selangor, Bangi akan didirikan. Kemudian dekat dengan Banting satu pekan baru akan didirikan. Shah Alam juga akan didirikan. Ini semua dibuat oleh State Development Corporation. State Development Corporation ini mestilah berganding bahu dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau dengan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan Kerajaan ini sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi, di dalam dasar Kerajaan ada menyatakan untuk mengimbangkan kehidupan bangsa-bangsa di dalam Malaysia ini. Kita tidak mahu menengok orang Melayu sahaja, orang China atau orang India sahaja yang duduk di dalam pekan. Pada masa yang akan datang kita mahu semua bangsa ada di dalam pekan berniaga. Ini adalah satu dari dasar Kerajaan, apabila sudah dirancangkan bandar ini, jangan diberi tanah-tanah samada untuk tapak-tapak kedai, atau tapak perniagaan kepada satu bangsa sahaja kerana kita telah belajar pada hari ini. Kita telah tengok walaupun bagaimana indahnya kota Kuala Lumpur, kita cuma menengok keindahannya sahaja. Dengan sebab ini adalah satu pelajaran kita orang Malaysia. Kita hendak hidup berganding bahu. Kita hendak hidup sebagai

orang Malaysia, kita hendak hidup berbaik-baik sangka, dengan sebab itu rancangan pada hari yang akan datang mestilah berasaskan kepada perkara semacam ini. Ini adalah serupa pentingnya dengan rancangan perancang-perancang yang dikatakan Perancang Bandar dan Desa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tengok di atas perkara Perancang Bandar dan Desa selalunya tidak sampai empat atau lima tahun, benda yang dibuat itu sudah outdated. Cuba kita tengok, jalan misalnya. Jalan antara Kelang ke Kuala Lumpur. Kita tengok di dalam tempoh 10 tahun sahaja. Jalan Kelang—Kuala Lumpur itu sudah tidak boleh dipakai lagi. Kerajaan terpaksa membuat jalan baru antara Kuala Lumpur—Petaling Jaya dan akan terus ke Port Kelang yang mempunyai sebanyak lapan lorong (lane) dengan memakan belanja berjuta-juta ringgit. Apakah sebabnya? Kerana perancang-perancang kita tidak nampak yang Kuala Lumpur dalam tempoh 10 atau 50 tahun yang akan datang tidak akan tinggal begitu sahaja. Kita tidak sangka yang Petaling Jaya akan mempunyai begitu ramai penduduknya. Dan kita tidak tahu yang sebuah lagi bandar iaitu Shah Alam akan didirikan di tengah-tengahnya. Manakala Kelang pula pada hari ini telah membesar dan Port Kelang sudah menjadi sebuah pelabuhan yang paling besar sekali di Malaysia.

Saya yakin dan percaya, Perancang-perancang Bandar dan Desa ini tentu tahu, iaitu kalau ada satu pelabuhan di antara bandar Ibu Kota Kuala Lumpur dengan Port Kelang tentulah satu masa yang akan datang akan menjadi tempat yang cukup padat.

Pada hari ini, di dalam rancangan luar bandar dan Rancangan Malaysia Ketiga, kita terpaksa mengeluarkan wang yang cukup banyak kerana serba-serbinya mahal. Harga simin sampai dua kali ganda, $6-$7 satu beg, besi sampai $600-$700 setan.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, mestilah dirancangkan betul-betul. Apabila orang sudah ramai, soal paip air mestilah difikirkan. Paip-paip air ini mestilah besar. Bukanlah dua inci dan bukan empat inci tetapi empat puluh inci. Apabila telah dibuat bandar pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak boleh dan pada hari ini juga kita melihat iaitu apabila kita buat bandar ada yang tidak cukup, sebab tidak ada perhubungan yang baik di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain. Misalnya Jabatan Talikom banyak orang hendak talipon tidak cukup, banyak faktori didirikan dan banyak air yang hendak digunakan, tetapi, tenaganya tidak cukup. Inilah sebab Tuan Yang di-Pertua, apabila merancangkan bandar atau desa semua perkara ini sepatutnyalah difikirkan.

Selain daripada itu, diwaktu penjajah dahulu syarat (condition) tanah-tanah orang kita samada orang itu Melayu, China atau India, tempat-tempat mereka itu semuanya dikatakan tanah kampung seperti mana yang dikatakan oleh saudara saya tadi, dan sedikit sahaja yang dikatakan town land, selain daripada itu semuanya kampung belaka.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, apabila perancangan bandar dan desa ini dibuat mestilah diperhatikan iaitu jangan ada kerugian kepada satu-satu pihak oleh kerana semalam kita telah membincangkan berkenaan dengan Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Kita hendak apabila dibuat satu-satu rancangan maka rancangan itu mestilah semua bangsa di dalam negeri ini mendapat faedahnya.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan lagi untuk saya bercakap panjang, maka saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat pada awal persidangan tadi menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat pada awal persidangan tadi menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN KAMPUNG

7.54 mlm.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa ini ramai juga rakan-rakan saya telah bercakap mengenai Bil ini. Tetapi saya ingin mengutarakan satu perkara sahaja iaitu Bahagian III:

"7 (3) (*a*) ciri-ciri utama fizikal, ekonomi, kesekitaran, dan sosial kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu, termasuklah penggunaan-penggunaan utama tanahnya . . . . . ."

Jadi yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai bangunan-bangunan yang akan dibangunkan dalam Perancangan Bandar dan Desa itu. Bila kita sebut Perancangan Bandar dan Desa bermakna rumah-rumah yang akan didirikan terutamanya, tadi ada perbincangan hangat kita dengar di antara dua orang Senator kita yang berbincang berkenaan dengan bentuk rumah iaitu di antara Masjid Negara dan Setesyen Keretapi. Kita tahu Setesyen Keretapi itu didirikan pada zaman penjajah, dan kalau tidak silap saya, zaman itu Sultan Sulaiman yang berkehendakkan bentuk-bentuk Islam. Jadi kenalah architect itu membuat bentuk begitu, maka jadilah dia begitu, dan kita tidak boleh kesalkan, seperti kata pantun Melayu:

"Asal kapas menjadi benang,
Sudah menjadi rambu kain,
Barang yang lepas jangan dikenang,
Sudah menjadi barang yang lain".

Walau bagaimanapun, jadilah dia satu sejarah yang akan menjadi pandangan kita pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam Kongeres Kebudayaan yang saya katakan pada tahun 1971 itu ada mengatakan di sini berkehendakkan supaya rumah-rumah yang akan didirikan, terutama sekali rumah-rumah Kerajaan yang akan didirikan biarlah berkeperibadian Malaysia. Kita selalu berbincang di sana-sini di Dewan dan di Pertubuhan Kebudayaan dan sebagainya. Kita mahu keperibadian Malaysia, tetapi apakah kita telah mencapai keperibadian Malaysia? Saya fikir belum, kerana unsur-unsur untuk mencapai keperibadian Malaysia itu kita tidak adakan. Salah satu daripada unsur untuk mencapai keperibadian Malaysia dengan cara yang tidak langsung ataupun tidak sedar iaitu berpegang kepada bentuk-bentuk bangunan negara yang kita dirikan. Sebab kata Winston Chushill: "Man made the building, the building shaped the people" Orang-orang mendirikan rumah, rumah membentuk manusia, sebab ini falsafah mata sebagaimana yang saya katakan tadi. Jadi kalau hari-hari dipandang dengan cara tidak sedar, satu pendidikan yang baik untuk mengubah pemikiran dan pandangan hidup manusia.

Apa yang saya perhatikan di Kuala Lumpur, misalnya, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi mengatakan Masjid Negara barangkali dianggap sebagai tempat atau dewan. Tetapi bagi saya apa yang telah direkakan Masjid Negara itu adalah satu bentuk yang indah sebagai sebuah masjid berkeperibadian Malaysia, kerana bentuk itu direka oleh Encik Baharuddin, seorang architect, yang saya sanjung tinggi mempunyai unsur-unsur ke Malaysiaan. Dome Masjid Negara itu berbentuk payung terbuka di mana Raja akan bersemayam di bawahnya dan menaranya itu berbentuk payung tertutup. Ini saya fikir satu ciptaan yang indah dan merupakan satu keperibadian Malaysia. Jadi, kepada akitek-akitek negara kita yang akan membangunkan rumah-rumah, haruslah berfikir panjang, janganlah hanya berpegang kepada tiori-tiori Carbousier misalnya dari France dan berpegang kepada architect-architect daripada Australia yang mana menghilangkan keperibadian kita. Kenapa kita tidak mengkaji bentuk-bentuk bangunan yang ada di tanah-air kita ini, kita ambil misalan masjid-masjid di Melaka, kenapa orang pada tahun 1400 atau 1500 dapat membentuk satu masjid yang berkeperibadian Melaka yang mana puncaknya itu ada tiga tingkat, kemudian tapaknya dibentuk empat persegi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat telah pergi ke Melaka mereka akan melihat bentuk masjid Melaka, bentuknya dicampur (assimilate)

dan diintegrasikan di antara tiga kebudayaan iaitu kebudayaan Islam, Buddha dan kebudayaan China. Kalau kita perhatikan dari segi Islam unsur-unsur Islam dimasukkan dalam bangunan itu, umpamanya, tapak ialah syariat, tingkat yang kedua atapnya itu tarikat, tingkat yang ketiga hakikat dan tingkat yang keempat makrifat, maka sempurnalah Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Melaka kita nampak di atas puncak masjid itu diukir seindah-indahnya. Ini kenapa, kerana kalau seorang kekasih hendak menyatakan kasih kepada kekasihnya tentu dia akan mencari perkataan-perkataan yang indah-indah: wahai bulan, wahai kekasihku yang dicintai. Jadi kalau kita hendak menyembahkan kepada Tuhan, tentulah kita hendak menunjukkan sesuatu ukiran yang indah sebagai lambang daripada hati kita. Ini suatu bentuk yang telah dapat diciptakan oleh architect-architect tahun 1400 yang belum ada university, tetapi mereka telah dapat menciptakan sesuatu bentuk bangunan yang merupakan keperibadian pada masa itu. Di mana-mana pun orang pergi akan dikenali dengan masjid Melaka, kerana sudah dicampurkan dengan 3 kebudayaan. Apa kata kalau rumah-rumah yang akan didirikan oleh Kerajaan ini ada keperibadian Malaysia, seperti Bangunan Parlimen ini. Cuba kita lihat di hiasan cerubung dan di tepi-tepi Bangunan Parlimen ini ada diletakkan gambar batu. Jadi seolah-olah orang Malaysia ini batu (*Ketawa*). Pada hal kita mempunyai budaya yang tinggi, apa salahnya diambil reka bentuk daripada Melaka: sulur bayung; daripada Kelantan: awan bawam diletakkan di situ, barulah ada nampak bentuk-bentuk ke Malaysiaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya sebenarnya banyak lagi hendak bercakap tentang hal ini, sebab saya interesting dalam hal ini, kerana falsafah Churchill mengatakan: man made the buildings, the buildings shape the people. Jadi dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan fikiran yang saya bawakan dalam Dewan ini tidak dilupakan oleh pihak-pihak yang berkenaan apabila membentuk jawatankuasa mengenai pembangunan bandar ini jangan lupa kita ambil orang daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat co-ordination di antara mereka.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

8.01 mlm.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada beberapa orang Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya dengan ringkasnya menjawab teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Mansor bin Mohamad menyentuh iaitu patut diadakan peraturan untuk merobohkan bangunan-bangunan yang buruk dalam bandar. Peruntukan sudahpun ada dalam Rang Undang-undang ini di Bahagian VIII dan saya percaya Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan akan melaksanakan dengan beransur-ansur. Yang kedua, beliau juga mengemukakan tentang kesulitan menukar syarat nyata tanah dari pertanian kepada perumahan atau perusahaan. Dalam plan structure atau plan tempatan yang baru ini kegunaan tanah itu adalah ditentukan pertukaran syarat nyata perlu dibuat di Pejabat Tanah sebelum tanah itu dimajukan. Yang ketiga, beliau mengsyorkan juga hendaklah diaturkan supaya kawasan perumahan dibuat berhampiran dengan kawasan perusahaan untuk kesenangan pekerja-pekerja. Ini adalah satu prinsip perancang yang patut diamalkan dan terletaklah kepada kebijaksanaan pihak penguasa Negeri dan Penguasa Tempatan untuk melaksanakan ini. Permohonan untuk memajukan tanah hendaklah dicepatkan. Sebenarnya, undang-undang yang baru ini adalah digubal untuk tujuan ini. Peruntukan telahpun dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan mengsyorkan supaya diadakan satu badan yang berkuasa untuk merancang bandar dari segi nasional supaya tiap-tiap bandar di negara kita ini dapat diselaraskan. Ini satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian. Oleh kerana ini luar daripada bidang kuasa Kementerian saya, saya akan kemukakan kepada Kerajaan Pusat. Beliau juga menyentuh bahawa tidak ada perancangan yang terdahulu, misalnya di Kota Bharu. Sebenarnya, Enekmen Perbandaran Kelantan No. 20 tahun 1938 ada peruntukan untuk perancangan dalam kawasan tempatan tetapi tidak menyeluruh.

Perancang yang tidak baik di Kota Bharu bukan kerana kekurangan peruntukan undang-undang, tetapi kurang kuatkuasa yang berkesan.

Beliau juga mencadangkan supaya dihantar pegawai yang berkenaan keluar negeri untuk mengkaji hal-hal bandaran yang modern. Perkara ini sedang diselenggarakan bahkan ahli-ahli lain yang ada berkaitan dengan hal-hal bandaran pun ada diuruskan. Beliau juga ada menyentuh berkenaan dengan Jabatan Perancangan Negara iaitu Economic Planning Unit (E.P.U.). Katanya sudah silap disebabkan dengan kelambatan Rang Undang-undang ini. Sebenarnya, E.P.U. ini bertanggungjawab dengan perancangan ekonomi sahaja, tetapi perancangan dalam Rang Undang-undang ini adalah perancang physical dan bukannya ekonomi dan Jawatankuasa Perancang Negeri bertindak berasingan, kata beliau.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri saya jalan untuk memberi penjelasan. Kalau sekiranya Perancang Negara untuk ekonomi sahaja, Kementerian manakah yang bertanggungjawab untuk perancang physical?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab perancang physical itu terletak di bawah Kementerian saya sendiri iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Jadi oleh kerana itu saya menjelaskan supaya janganlah pegawai-pegawai dalam E.P.U. berkecil hati.

Semua perancangan mesti diselaraskan dengan dasar negara, ini yang sebetulnya. Masaalah perancangan di masa ini harus tidak dipersetujukan oleh jenerasi yang baru, ini boleh timbul, tetapi ianya boleh disemak oleh Jawatankuasa Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan supaya perkara ini janganlah timbul. Negeri-negeri katanya makin tidak ada kewangan untuk melaksanakan perancang dengan teratur. Perkara ini betul juga, kerana dalam development yang pesat kadang-kala peruntukan tidak sempat untuk melaksanakan sesuatu projek, Penguasa Tempatan dan berbagai pihak berkuasa perancang boleh meminjam wang daripada berbagai punca. Kita juga ada meminjam wang dari badan-badan yang lain seperti Bank Dunia. Begitu juga cadangannya supaya ditubuhkan tabung untuk maksud perancangan. Ini akan dilaksanakan.

Beliau juga berkata Menteri Besar mempunyai banyak tanggungjawab dan tidak patut menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Negeri. Menteri Besar sepatutnya pergi keluar negeri supaya faham atas prinsip perancangan. Saya bersetuju dengan pendapat beliau ini bahawa jikalau Menteri-menteri Besar dapat peluang pergi keluar negeri mereka boleh meluaskan lagi pendapat dan pandangannya dalam hal perancangan. Tetapi saya hendak menarik perhatian beliau iaitu Jawatankuasa Negeri terdiri dari pegawai-pegawai professional dan technical yang boleh membantu Menteri Besar.

Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin ada mengsyorkan Kementerian dan Jabatan yang berkaitan dengan perancangan bandar mesti melengkapkan diri bagi menyelenggarakan perancangan baru. Pegawai-pegawai sedang dilatih dengan banyaknya dan pusat-pusat pelajaran tinggi di negara kita pun akan mengeluarkan bakal-bakal pegawai-pegawai perancang. Satu masaalah yang beliau menarik perhatian iaitu kebanyakan pegawai-pegawai perancangan menarik diri daripada pihak Kerajaan dan masuk ke pihak swasta kerana gaji yang dibayar oleh pihak swasta lebih daripada apa yang dibayar oleh Kerajaan. Keadaan ini memang benar tetapi perkara ini pada masa ini adalah rumit sedikit tetapi pada masa yang akan datang apabila universiti-universiti kita mengeluarkan pegawai-pegawai perancang maka masaalah ini boleh diatasi.

Senator Raja Datuk Nong Chik ada menyentuh beberapa perkara. Satu daripadanya berkenaan dengan green belt di Petaling Jaya. Oleh kerana adanya green belt maka orang yang ada di dalam green belt itu tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak dapat juga ia mendirikan perumahan. Keadaan ini dapat dikawal rapi di bawah undang-undang baru ini. Sebenarnya, pelan Petaling Jaya ini sudah 25 tahun umurnya dan tidak ada pembaharuan. Beliau juga mengsyorkan supaya dapat bekerjasama dan koordinasi antara badan-badan dan pihak-pihak berkenaan dengan membuat perancangan bandar. Ini juga diawasi dan akan dikawal di bawah undang-undang ini.

Perancangan Bandar dan Desa hendaklah bertujuan membahagikan tanah kepada semua kaum dan tidak kepada satu bangsa sahaja. Ini memang di bawah Dasar Ekonomi Baru kita dan amalan ini perlu dipatuhi.

Beliau juga ada menyentuh iaitu kita tidak memandang jauh di dalam rancangan Kuala Lumpur. Masaalah ini timbul kerana Malaysia terlalu cepat dalam pembangunannya, oleh itu apa-apa rancangan yang elok kita dapat kawalkan pembangunannya dalam satu tempat yang membangun begitu cepat seperti Kuala Lumpur. Jadi, kerana itulah kita juga mesti menyemak apa yang terjadi itu dan berharap kita akan dapat mengatasinya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan.

Akhirnya sekali, mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz Tapa mengenai keperibadian Malaysia dan reka bentuk pembangunan dalam negeri akan diambil perhatian dan saya harap pegawai-pegawai perancangan di masa yang akan datang mengingatkan perkara ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 59 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 21hb Januari, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam.